Logistik dan kemudahan perdagangan akan diperkukuh untuk menambah baik kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan di sepanjang rantaian nilai bagi meningkatkan daya saing.
Infrastruktur digital akan ditambah baik melalui peluasan rangkaian gentian optik bersama dengan pembangunan komersial bagi infrastruktur komunikasi yang menyediakan ketersambungan kepada lebih banyak isi rumah.

## *KPI VI: STRENGHTENING ECONOMIC GROWTH*

*To improve competitiveness and increase productivity, an effort will be implemented to reinforce the economic growth.*

*Initiative to improve development sector will be intensified at the same time and developing the value-added activity filled with intensive knowledge.*

*This method has been improved by professional skilled worker in the service sector, manufacturing, agriculture and construction. Meanwhile, the utility and infrastructure composition will be reinforced to encourage and facilitate economic activity.*

*Hence, three priority has been identified, which are reinforcement sectoral growth and structure reformation, innovation revamp and technology acquirement as well as providing quality infrastructure.*

***The priority field and strategy***

*The strategy to improve sector growth and to reform the implementation structure include reinforcement sectoral growth, exportation capability enhancement and development of market efficiency as well as facilitating business management.*

*In this matter, method will take into account in modernising rapid economic sector, to develop the international and export availability, encourage fair competitiveness as well as improving trade and trading.*

*In addition, PKS will be encouraged to improve the activity in value chain to produce service and product in which consists high value added. Meanwhile, in agriculture sector, a strategy will be implemented to ensure supply and the safety of the food are guaranteed.*

*Priority will also be given to revamp technology and rapid innovation among the local firm, especially PKS to improve their competitiveness and productivity globally.*

*The consideration method includes Fourth Industrial Revolution potential utilisation (4IR) which helps in providing business opportunity and generate new income.*

*The provision of high-quality infrastructure and efficient utilities will be strengthened to spur economic development besides ensuring sustainability to meet the current as well as future demands.*

*Integrated different transport mode will be emphasised to continually prepare for product and passenger, smoothly.*

*Business facility and logistic will also be reinforced to develop efficiency and effectiveness service in value chain to improve competitiveness.*

*Improvement in digital infrastructure through the expansion of optic fibre network together with commercial development to improve communication infrastructure that provide more houses connectivity will be upgraded.*

# JPA MENERUSI TONGGAK I:
# *JPA THROUGH ACHIEVEMENT I:*

## MEREFORMASI TADBIR URUS KE ARAH MENINGKATKAN KETELUSAN DAN KECEKAPAN PERKHIDMATAN AWAM
## *REFORMATION OF GOVERNANCE TOWARDS INCREASING TRANSPARENCY AND EFFICIENCY OF THE PUBLIC SERVICE*

Kajian Separuh Penggal (KSP) RMKe-11 melaporkan prestasi yang telah dicapai dalam tempoh 2016-2017 dan menggariskan dasar serta strategi sosioekonomi yang dijajar semula untuk tempoh 2018-2020 dengan mengambil kira keutamaan Kerajaan baharu pasca Pilihanraya Umum ke-14. Dalam dokumen ini, Kerajaan telah menyatakan komitmen dalam usaha untuk menambah baik tadbir urus dan ketelusan dalam memastikan kesejahteraan rakyat yang lebih baik. KSP telah diumumkan secara rasmi pada 18 Oktober 2018.

Dalam tempoh kajian semula 2016-2017, telah menyaksikan pelbagai langkah diambil oleh Kerajaan berkaitan mentransformasi perkhidmatan awam khsusnya dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan seperti pendigitalan, pengurangan proses birokrasi dan kajian semula institusi. Di samping itu, langkah telah diambil dalam meningkatkan pengurusan bakat dan projek serta memperkukuhkan keupayaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi meningkatkan produktiviti.

Namun, disebabkan oleh beberapa perkara yang berkaitan dengan tuduhan berkaitan rasuah, kurang ketelusan dan akauntabiliti, ketidakcekapan dalam pengurusan sumber serta kekangan kapasiti dan keupayaan telah menyebabkan pencapaian agak kurang ketara. Oleh itu, KSP RMKe-11 dirangka dengan tujuan untuk mereformasi dasar sedia ada dan menggariskan sasaran sosioekonomi yang disemak semula.

Kerajaan telah meletakkan keutamaan tertinggi dalam aspek mereformasi tadbir urus bagi meningkatkan ketelusan dan kecekapan Perkhidmatan Awam. Usaha ini telah dinyatakan dalam Tonggak I: Mereformasi Tadbir Urus ke arah Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam mengandungi empat Bidang Keutamaan iaitu:

*The 11th Malaysia Plan Mid-term Review (KSP) reports on the achievement during the 2016-2017 period and outlines the revised policy and socioeconomic strategies for the 2018-2020 period, taking into account the new Government's priorities post the 14th General Election. In this document, the Government expressed its commitment in improving governance and transparency to ensure well-being of the people. The KSP was officially announced on 18 October 2018.*

*During the 2016-2017 review period, various measures were taken by the Government on the transformation of the public service in enhancing service delivery particularly indigitizing, reducting bureaucracy and reviewing institutions. In addition, measures were taken to enhance talent and project management as well as to strengthen Local Authorities (PBTs) capability to increase productivity.*

*However, due to corruption allegations, lack of transparency and accountability, and resource management inefficiency as well as capacity and capability constraints have resulted in insignificant achievements. Therefore, the RMK-11 is formulated to reform existing policies and the revised socioeconomic targets.*

*The Government prioritised in reforming governance to improve transparency and efficiency of the Public Service. These efforts are highlighted in Achievement I: Reforming Governance towards Increasing Transparency and Public Service Efficiency in four main areas namely:*

| Bidang Keutamaan | Perkara | Agensi Penyelaras Bidang Keutamaan |
|---|---|---|
| A | Menambah baik tadbir urus pada semua peringkat | Jabatan Perdana Menteri |
| B | Meningkatkan integriti dan akauntabiliti | Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah nasional |
| C | Menguatkuasakan pelaksanaan pengurusan kewangan awam secara berhemat | Kementerian Kewangan |
| D | Memperkukuh penyampaian perkhidmatan awam | Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) |

**Setiap Bidang Keutamaan mempunyai Agensi Penyelaras masing-masing yang dilantik bagi menerajui dan menyelaras inisiatif yang akan dilaksanakan. Dalam hubungan ini, JPA telah diberi tanggungjawab sebagai Agensi Penyelaras bagi Bidang Keutamaan D: Memperkukuh penyampaian perkhidmatan awam. Outcome Nasional yang ditetapkan ialah bagi mencapai perkhidmatan awam yang efisien, efektif dan dinamik. Di bawah Bidang Keutamaan ini terdapat tiga strategi yang perlu dilaksanakan iaitu:**

*Each focus area has an appointed Coordinating Agency to lead and coordinate implementation of the initiatives. JPA has been given the responsibility to oversee focus area D: Strengthening public service delivery. The National Outcome set is to achieve efficient, effective and dynamic public service. These focus areas have three strategies to be implemented:*

| Strategi | Perkara |
|---|---|
| D1 | Mereformasi perkhidmatan awam |
| D2 | Memperkemaskan semula perkhidmatan yang disediakan |
| D3 | Memperkasa pihak berkuasa tempatan |

Sehubungan dengan itu, JPA telah mengambil tindakan untuk memastikan supaya strategi ini dapat dilaksanakan dengan mengenal pasti inisiatif-inisiatif utama di bawah strategi yang berkaitan terutamanya bagi Strategi D1 di mana JPA merupakan Agensi Penyelaras bagi inisiatif-inisiatif ini. Bagi Strategi D2 dan D3, Agensi Penyelaras inisiatif adalah pihak MAMPU dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Agensi Pelaksana bagi setiap strategi dan inisiatif di bawah Bidang Keutamaan D akan melibatkan pelbagai Kementerian dan Agensi yang berkaitan.

Di antara inisiatif-inisiatif utama yang dikenalpasti akan dilaksanakan oleh JPA mulai tahun 2019 ialah seperti:

i) Merasionalisasi Institusi Sektor Awam menerusi mewajarkan saiz perkhidmatan awam;
ii) Menggubal Akta Perkhidmatan Awam;
iii) Mengkaji Dasar Latihan Sektor awam dan membangunkan Dasar Pembangunan Sumber Manusia (HRDP);
iv) Menerapkan rangka kerja Digital Government Competency and Capability Readiness (DGCCR) ke dalam perkhidmatan awam;
v) Memperoleh bakat terbaik melalui pelantikan secara kontrak sama ada melalui Contract for Service atau Contract of Service;
vi) Memperkenalkan model baharu pengurusan prestasi perkhidmatan awam melalui penilaian prestasi yang bersesuaian berdasarkan peranan dan fungsi Kementerian dan Agensi;
vii) Memanfaatkan Civil Service IdeaConnect Online web dan mobile platform sepenuhnya;
viii) INTAN akan mengukuhkan jalinan kerjasama dengan institusi latihan tempatan dan antarabangsa bagi mempertingkatkan pembangunan modal insan dalam perkhidmatan awam;
ix) Mentransformasi Kluster Inovasi Teknologi Pengurusan (i-IMATEC) sebagai Kluster Pembelajaran Digital (DLC);
x) Mempergiat inisiatif ke arah menambah baik keseimbangan antara kerja dan kehidupan penjawat awam;
xi) Mengenalpasti kaedah yang bersesuaian bagi mengukur produktiviti dalam merangka KPI untuk KSU Kementerian, Ketua Jabatan dan Agensi;
xii) Mempergiat inisiatif ke arah menambah baik keseimbangan antara kerja dan kehidupan penjawat awam; dan
xiii) Memperkemas peranan Institut Latihan Awam (ILA) dengan memberi tumpuan kepada bidang khusus dan fungsi yang berkaitan melalui pemerkasaan Majlis Latihan Sektor Awam (MLSA).

Dalam tempoh dua tahun terakhir pelaksanaan KSP merupakan tempoh yang penting bagi melaksanakan setiap strategi yang digariskan. Kerajaan telah meletakkan harapan yang tinggi bagi Perkhidmatan Awam untuk melaksanakan semua inisiatif bagi meletakkan semula negara ke landasan yang betul. Matlamat ini akan dapat dicapai melalui usaha menegakkan prinsip ketelusan dan akauntabiliti dalam menyediakan perkhidmatan ke arah mencapai matlamat perkhidmatan awam yang efisien, efektif dan dinamik. Peranan JPA sebagai Agensi Penyelaras Bidang Keutamaan adalah signifikan dalam memastikan pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang mantap dan berimpak tinggi dapat dicapai melalui pengembelengan tenaga secara bersama dengan Kementerian dan Agensi lain.

## BIDANG KEUTAMAAN A
**Menambah baik tadbir urus pada semua peringkat**

**Strategi A1**
Memperkukuh mekanisme semak dan imbang

**Strategi A2**
Menambah baik hubungan antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan

**Strategi A3**
Mereformasi sistem politik

## BIDANG KEUTAMAAN B
**Meningkatkan integriti dan akauntabiliti**

**Strategi B1**
Memperkukuh agenda pencegahan rasuah

**Strategi B2**
Meningkatkan ketelusan

**Strategi B3**
Memupuk nilai murni dan amalan kerja beretika

## BIDANG KEUTAMAAN C
**Menguatkuasakan pelaksanaan pengurusan kewangan awam secara berhemat**

**Strategi C1**
Mempertingkat sistem belanjawan

**Strategi C2**
Menambah baik pengurusan perolehan

**Strategi C3**
Memperkukuh rangka kerja pengurusan prestasi, pemantauan dan penilaian

## BIDANG KEUTAMAAN D
**Memperkukuh penyampaian perkhidmatan awam**

**Strategi D1**
Mereformasi institusi sektor awam

**Strategi D2**
Memperkemas semula perkhidmatan yang disediakan

**Strategi A3**
Memperkasa pihak berkuasa tempatan

*JPA has taken the actions to ensure these strategies are implemented by identifying key initiatives especially for D1 Strategy in which JPA is the Coordinating Agency. For Strategies D2 and D3, the Coordinating Agencies initiative are MAMPU and the Ministry of Housing and Local Government (KPKT). The Implementing Agencies for each strategy and initiative under Priority Areas D will involve various related Ministries and Agencies.*

*Among the identified key initiatives that will be implemented by JPA in 2019 are:*

*i) Rationalise Public Sector Institution by explaining the public service size;*
*ii) Formulate Public Service Act;*
*iii) Review Public Sector Training Policy and develop Human Resource Development Policy (HRDP);*
*iv) Implement the Digital Government Competency and Capability Readiness (DGCCR) framework in the public service;*
*v) Obtain best talents by contract appointment either Contract for Service or Contract of Service;*
*vi) Introduce new model of public service performance management through appropriate performance evaluations based on roles and functions of Ministries and Agencies;*
*vii) Utilise Civil Service IdeaConnect Online web and comprehensive mobile platform;*
*viii) INTAN to strengthen cooperation with local and international training institutions to enhance public service human capital development;*
*ix) Transform Management Technology Innovation Cluster (i-IMATEC) as a Digital Learning Cluster (DLC);*
*x) Intensify initiatives in improving Public Officer work-life balance;*
*xi) Identify appropriate methods for measuring productivity when developing KPIs for Secretaries-General, Heads of Departments, Ministries and Agencies;*
*xii) Intensify initiatives in improving Public Officer work-life balance;*
*xiii) Reinforce role of Public Training Institutes (ILA) by focusing on specific areas and related functions through the empowerment of the Public Sector Training Council (MLSA).*

*The last two years have been an important period in the implementation the strategies. The Government has put high expectations on the Public Service to implement all initiatives to reinstate the country on the right track. These goals can be achieved by upholding the principles of transparency and accountability in service delivery towards achieving efficient, effective and dynamic civil service. JPA's role as Priority Areas Coordinating Agency is significant in ensuring implementation of the key initiatives are executed accordingly and these high-impact initiatives can be achieved through concerted efforts with other Ministries and Agencies.*




# PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) JPA TAHUN 2018

# PETUNJUK-PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) BAGI TAHUN 2018

## PENCAPAIAN ST
## *(Significantly Exceed Target)*

1. **KPI 4.2**
   Pengejatan dan Penstrukturan Organisasi melalui Kawalan Saiz Perkhidmatan Awam - **Pencapaian Nisbah Penjawat Awam (Pengisian) kepada penduduk adalah 1:20.3 (Sasaran = 1 : 20)**

2. **KPI 4.4**
   E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA) - **230,296 Penjawat Awam tamat mengikuti kursus melalui EPSA (Sasaran = 100,000)**

3. **KPI 4.5**
   Peratus penjawat awam berprestasi rendah berjaya dipulihkan - **seramai 85% orang pegawai yang telah tamat tempoh pemerhatian mendapat markah lebih daripada 60% (sasaran = 71%)**

4. **KPI 4.7**
   Tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan di kaunter WeSERVE - **Purata pencapaian adalah 96.65% (sasaran = 96%)**

## PENCAPAIAN ET
## *(Exceed Target)*

1. **KPI 4.1**
   Pembangunan, penarikan dan pengekalan bakat melalui pemadanan penempatan (job matching) berdasarkan bidang kepakaran - Skor **Pencapaian 86.67%. (sasaran OT = 85%)**

2. **KPI 4.3**
   Penawaran Hadiah Latihan Persekutuan (HLP 2017) - mengikuti pengajian peringkat ijazah lanjutan - Penawaran HLP 2017 adalah seramai 545 pegawai (sasaran OT = 467 - 521 pegawai)

3. **KPI 4.6**
   Pencapaian Kecemerlangan Penerima Tajaan JPA

| Kumpulan Sasaran | Pencapaian |
|---|---|
| Pelajar Tajaan | 83% |
| Pegawai Tajaan HLP (Sarjana Kerja Kursus) | 100% |
| Pegawai Tajaan HLP (Sarjana Penyelidikan / Kedoktoran) | 30% |

NISBAH PENJAWAT AWAM KEPADA PENDUDUK

**1 : 20.3**

PENJAWAT AWAM TAMAT KURSUS MELALUI EPSA®

**230,296**

PENJAWAT AWAM BERPRESTASI RENDAH BERJAYA DIPULIHKAN

**85%**

TAHAP KEPUASAN PELANGGAN DI KAUNTER WESERvE

**96.65%**

## PENCAPAIAN ST (*SIGNIFICANTLY EXCEED TARGET*)

1. **Pengejatan dan Penstrukturan Organisasi Melalui Kawalan Saiz Perkhidmatan Awam**
   Berdasarkan pencapaian nisbah penjawat awam (pengisian) dengan jumlah populasi negara. Sasaran pencapaian nisbah penjawat awam kepada penduduk yang ditetapkan menjelang tahun 2020 adalah sekurang-kurangnya **1 : 20.**
   **Bagi tahun 2018, pencapaian nisbah penjawat awam kepada penduduk adalah 1 : 20.3.**

2. **E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA®)**
   Bilangan penjawat awam yang tamat mengikuti kursus melalui EPSA®. Bagi tahun 2018, sasaran yang ditetapkan adalah sekurang-kurangnya **100,000 Penjawat Awam** tamat mengikuti kursus melalui EPSA®.
   **Bagi tahun 2018, pencapaian Penjawat Awam tamat mengikuti kursus melalui EPSA® adalah 230,296.**

3. **Penjawat Awam Berprestasi Rendah Berjaya Dipulihkan**
   Sasaran jumlah pegawai yang kembali berprestasi adalah sekurang-kurangnya 71% daripada jumlah yang telah selesai menjalani tempoh pemerhatian Dasar Pemisah dan mendapat markah lebih 60% dalam Laporan Nilaian Prestasi Khas (LNPK).
   **Bagi tahun 2018, seramai 85% orang Pegawai yang telah tamat tempoh pemerhatian Dasar Pemisah dan mendapat markah lebih 60% dalam Laporan Nilaian Prestasi Khas (LNPK).**

4. **Tahap Kepuasan Pelanggan di Kaunter WeServe**
   Berdasarkan dengan skor penilaian tahap kepuasan pelanggan yang menerima perkhidmatan di kaunter WeServe - dulu dikenali sebagai 1Serve di bawah inisiatif National Blue Ocean Strategy (NBOS) berdasarkan mekanisme penilaian yang telah ditetapkan. Sasaran pencapaian adalah sekurang-kurangnya **96%** bagi tahun 2018.
   **Bagi tahun 2018, skor penilaian tahap kepuasan pelanggan yang menerima perkhidmatan di kaunter WeServe adalah 96.65%.**

*1. **Organisational Restructuring and Freezing through Controlling the Size of the Public Service***
   *Based on the ratio of civil servants-to population of the country. The target ratio by 2020 is determined at at least **1 : 20.***
   ***For 2018, the achievement of the civil servants-to-population ratio was 1 : 20.3.***

*2. **Public Sector E-Learning (EPSA®)***
   *The total of number of civil servants taking courses through EPSA®. For 2018, the target was for **100,000 civil servants** to enroll and complete courses through EPSA®.*
   ***For 2018, the actual number of civil servants taking up EPSA® courses was 230,296.***

*3. **Low-performing Civil Servants Successfully Revived***
   *The number of low-performing civil servants who go through the Exit policy observation period as a measure to improve their performance and score over 60% in the Special Performance Evaluation Report is set at at least 71%.*
   ***For 2018, 85% of low-performing civil servants completed the Exit Policy observation period and scored over 60% in the Special Performance Evaluation Report.***

*4. **Level of Customer Satisfaction at WeServe Counter***
   *Based on the rating score of customer satisfaction of those rendering service at WeServe counter - formerly known as 1Serve under the National Blue Ocean Strategy (NBOS) initiative in line with the pre-determined assessment mechanism. The achievement target score for 2018 was set at at least 96%.*
   ***For 2018, the rating score of customer satisfaction served at WeServe counter was 96.65%.***

## PENCAPAIAN ET (*EXCEED TARGET*)

1. **Pembangunan, Penarikan dan Pengekalan Bakat Melalui Pemadanan Penempatan (Job Matching) Berdasarkan Bidang Kepakaran**
   Pemadanan penempatan pegawai-pegawai berdasarkan bidang kepakaran adalah sekurang-kurangnya **85%.**
   **Bagi tahun 2018, pemadanan penempatan pegawai adalah 86.67%**

2. **Penawaran Hadiah Latihan Persekutuan (HLP 2017) - Mengikuti Pengajian Peringkat Ijazah Lanjutan**
   Berdasarkan jumlah penajaan di bawah Penawaran HLP, sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2018 adalah sekurang- kurangnya **467-521** pegawai.
   **Bagi tahun 2018, penawaran HLP 2017 adalah seramai 545 pegawai.**

3. **Pencapaian Kecemerlangan Penerima Tajaan JPA**
   Kumpulan sasaran adalah pelajar tajaan JPA, Pegawai Tajaan HLP (Sarjana Kerja Kursus) dan Pegawai Tajaan HLP (Sarjana Penyelidikan / Kedoktoran).
   **Bagi tahun 2018, pencapaian kecemerlangan Penerima Tajaan JPA ialah:**

*1. **Talent Development, Withdrawal and Retention through Job Matching based on Fields of Expertise***
*Matching of job placement of officers based on fields of expertise is set at **85%.***
***For 2018, the matching of job placement was 86.67%***

*2. **Offer of Federal Training Award (HLP 2017)***
*Based on the number of sponsorships under the Federal Training Award (HLP), the target for 2018 was **467-521** officers.*
***For 2018, the number of HLP recepients was 545.***

*3. **Excellent Achievements of JPA Sponsorship Recipients***
*The target groups include JPA sponsored students, HLP recipients (Masters by Coursework) and HLP recipients (Masters by Research / Doctorate).*
***For 2018, the excellent achievements of JPA scholars are as follows:***

| Kumpulan Sasaran | Sasaran Pencapaian | Pencapaian 2018 |
|---|---|---|
| Pelajar Tajaan | Sekurangnya - kurangnya 85% pelajar tajaan luar negara tamat pengajian mengikut tempoh penajaan (Tidak terpakai kepada pelajar tajaan bidang perubatan, farmasi dan pergigian) DAN sekurangnya - kurangnya 80% pelajar tajaan dalam Negara mencapai CGPA 3.0 | 83% |
| Pegawai Tajaan HLP (Sarjana Kerja Kursus) | Sekurangnya - kurangnya 85% pegawai tajaan luar negara mendapat pengijazahan dalam tempoh (GoT) DAN sekurangnya - kurangnya 80% pegawai tajaan dalam Negara mencapai CGPA 3.0 | 100% |
| Pegawai Tajaan HLP (Sarjana Penyelidikan / Kedoktoran) | Sekurangnya - kurangnya 35% pegawai tajaan mendapat pengijazahan dalam tempoh (GoT). | 30% |

## URUSAN PENEMPATAN / PERTUKARAN PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA

| Bil | Urusan | P&P | Pelaksana |
|---|---|---|---|
| 1 | Penempatan (Kenaikan Pangkat/ Pemangkuan) | 992 | 555 |
| 2 | Pertukaran | 950 | 1,086 |
| 3 | Pertukaran pegawai di bawah Job Rotation (jawatan sensitif) | 20 | 0 |
| **JUMLAH** | | **1,962** | **1,641** |

# KRONOLOGI

## SAIZ PERKHIDMATAN AWAM

**2015**

**1,713,757**
Penjawatan sektor awam dihadkan

**2016**

Sasaran RMKe-11

**1 : 20**
Nisbah perjawatan kepada penduduk

**2017**

**OPTIMUM PERJAWATAN**
Redeployment dan trade off

**SAIZ**
Mengekalkan saiz perkhidmatan awam dengan kawalan pengisian

**PENJAJARAN**
Penjajaran jawatan jumud & JSPS ke jawatan hakiki kosong

**2018**

**KEPUTUSAN MJM**
Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 3 Ogos dan 3 Oktober 2018 ke arah pengecilan saiz perkhidmatan awam

# INISIATIF

## PENGURANGAN SAIZ

### RASIONALISASI PERJAWATAN

- Tindakan susulan keputusan/ arahan semasa Kerajaan (penjajaran jawatan JSPS/JSKT)
- Pengurangan perjawatan
- Unjuran keperluan perjawatan

### PENGUKUHAN PERJAWATAN

- Pengoptimuman institusi/ perjawatan

### PENGINSTITUSIAN FUNGSI

- *Alternative Service Delivery* (ASD) Serah urus (*outsourcing*)
- Pengasingan sepenuhnya Badan Berkanun
- Penggabungan/ pemusatan Agensi
- Penswastaan

# TREND PERJAWATAN (2009-2018)

## BAGI PERKHIDMATAN UTAMA



# MAJLIS TAKLIMAT HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP) DAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH TANPA BIASISWA (CBBPTB) SESI 2018






Majlis taklimat kepada penerima HLP dan CBBPTB telah diadakan pada 20 Februari 2018 bertempat di Dewan Bankuet, Universiti Putra Malaysia dan dirasmikan oleh YBhg. Dato' Mohtar bin Mohd Abd Rahman, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan). Majlis taklimat kepada penerima dan Ketua Jabatan ini diadakan bertujuan untuk menyampaikan penerangan lanjut berhubung penajaan serta tanggungjawab sebelum, semasa dan selepas mengikuti pengajian.

Pada tahun ini, seramai 100 orang pegawai ditawarkan pengajian peringkat Ph.D dan 450 orang pegawai ditawarkan pengajian peringkat Sarjana. Manakala 5 orang pegawai ditawarkan kemudahan CBBPTB.

Semasa majlis ini juga, turut diadakan sesi perkongsian ilmu bersama YBhg. Datuk Isham Ishak, Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Selain itu, terdapat juga slot The Journey Towards Excellence yang mana memberi ruang dan peluang kepada mantan penerima HLP peringkat Ph.D iaitu Dr. Safuwan Bin Samah (Penerima Anugerah Graduan Terbaik Program Doktor Falsafah Fakulti Pengajian Pendidikan 2017, Universiti Putra Malaysia) dan mantan Penerima HLP peringkat Sarjana iaitu Encik Mohd Izwan Nuzaihan Bin Jamil (Penerima Graduan Terbaik Master Pengurusan Sumber Tanah 2016, Universiti Putra Malaysia) berkongsi pengetahuan, pengalaman dan cabaran semasa dan sehingga menamatkan pengajian dengan jaya.

*A briefing session for HLP and CBBPTB recipients was held on 20 February 2018 at the Banquet Hall, Universiti Putra Malaysia. The event was officiated by YBhg. Dato' Mohtar bin Mohd Abd Rahman, Deputy Director General of Public Services (Development). This briefing session for the recipients and Heads of Department was aimed at providing further information on sponsorship and responsibilities before, during and after undertaking the study.*

*This year, a total of 100 officers offered further studies at Ph.D level and 450 officers were offered Masters degree. Meanwhile 5 officers were offered CBBPTB.*

*During the event, there was also a knowledge sharing session with YBhg. Datuk Isham Ishak, Deputy Secretary General (Trade) of the Ministry of International Trade and Industry. Besides, there was also "The Journey Towards Excellence" slot which provided the opportunity to former HLP recipients at doctorate level. Safuwan Bin Samah (Graduate of the Best Doctor of Philosophy Program of Faculty of Educational Studies 2017, Universiti Putra Malaysia) and former HLP recipient at Masters level, Mr. Izwan Nuzaihan Bin Jamil (Master of Best Master Graduate of Land Resource Management 2016, Universiti Putra Malaysia) to share their knowledge, experiences and current challenges until they complete their studies successfully*


IS TAKLIM
LATIHAN P KUTUAN (HLP
NUH TANPA SISWA (CBBP
2018









# E-PEMBELAJARAN SEKTOR AWAM (EPSA®)

Pelaksanaan EPSA® sejak tahun 2007 telah memberi impak yang tinggi dalam pembangunan modal insan perkhidmatan awam dengan memantapkan sistem penyampaian latihan sedia ada dengan menambah peluang pembelajaran secara dalam talian. Sehingga 8 November 2018, sebanyak 218,881 orang penjawat awam telah berjaya menamatkan kursus EPSA®. Secara keseluruhan kursus yang ditawarkan adalah sebanyak 262 dalam 29 kategori. Pecahan kursus adalah seperti berikut:

*The implementation of EPSA® since 2007 has highly impacted the development of public service human capital by strengthening the existing training delivery system by increasing online learning opportunities. As of November 8, 2018, a total of 218,881 civil servants had successfully completed the EPSA® course. There were 262 courses offered in 29 categories. The breakdown of the course is as follows:*




Kolaborasi strategik antara INTAN dengan pelbagai agensi Kerajaan telah memberi manfaat dalam pembangunan bahan kursus EPSA®. Antara agensi yang aktif terlibat pada tahun 2018 adalah Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Kerja Raya (JKR), Bank Negara Malaysia (BNM) dan Institut Integriti Malaysia (IIM). INTAN telah menjalankan latihan pemindahan kemahiran pembangunan bahan kursus kepada agensi Kerajaan.

*The strategic collaborations between INTAN and various Government agencies have benefited the development of EPSA® course materials. Among the agencies actively involved in 2018 were the Royal Malaysian Police (PDRM), Public Works Department (JKR), Bank Negara Malaysia (BNM) and the Malaysian Institute of Integrity (IIM). INTAN has carried out the transfer of skills training on materials development to Government agencies.*

INTAN telah melaksanakan Program Pembudayaan dan Promosi EPSA® di Agensi Kerajaan untuk menyebar luas penggunaan EPSA® serta menerapkan budaya pembelajaran sepanjang hayat di kalangan penjawat awam. Antara agensi yang terlibat adalah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Veterinar, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perikanan Malaysia.

*INTAN has implemented the EPSA® Enculturation and Promotion Program at Government Agencies to publicise the use of EPSA® and to inculcate lifelong learning culture among civil servants. Among the agencies involved were the Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM), the Public Works Department (JKR), the Veterinary Department, the Ministry of Health Malaysia (MOH), the Legal Affairs Division, the Prime Minister's Department and the Department of Fisheries Malaysia.*

# PELAKSANAAN DASAR PEMISAH (*EXIT POLICY*)




Dasar Pemisah adalah dasar untuk menamatkan perkhidmatan dan membersarakan pegawai yang berprestasi rendah daripada perkhidmatan awam selaras Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2015: Pelaksanaan Dasar Pemisah (*Exit Policy*) Bagi Pegawai yang Berprestasi Rendah Dalam Perkhidmatan Awam yang berkuatkuasa pada 19 November 2015. Dasar ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2016 melibatkan 1,031 pegawai yang mendapat LNPT 2015 kurang daripada 60%.

Panel Penilai Dasar Pemisah (PPDP) bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana adalah terdiri daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam sebagai pengerusi serta turut dianggotai Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan), Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau wakil, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia atau wakil, Pengarah Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA dan Penasihat Undang-Undang, JPA.

Turut menyertai selaku pemerhati adalah Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkaitan, wakil Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) dan wakil Majlis Bersama Jabatan (MBJ) yang berkenaan. Walau bagaimanapun, maklumat terperinci tidak dapat dimaklumkan atas faktor kerahsian.

*The Exit Policy is the basis for termination of service and a layoff to low-performance officers from the civil service in line with the Service Circular No. 7 of 2015: Implementation of Exit Policy for Low-Performing Officers in the Public Service that came into effect on November 19, 2015. This policy has started to be implemented in 2016 involving 1,031 officers who scored less than 60% in the 2015 LNPT.*

*The Exit Policy Assessment Panel (PPDP) for the Management and Professional Group and the Implementing Group comprises the Director General of Public Services as chairman, the Deputy Director General of Public Services (Development), the Secretary General of Treasury or representative, the Secretary General of the Ministry of Human Resources or representative, Director of Post-Service Division, PSD and Legal Advisor, PSD.*

*Also participating as observers are the relevant Service Commission Secretaries, representative of the Union of Civil Servants in the Civil Service (CUEPACS) and representatives of the Agency Joint Council (MBJ) concerned. However, detailed information cannot be disclosed for confidentiality.*




# PELAKSANAAN PROGRAM - AKTIVITI 2018

# INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)

# *NATIONAL INSTITUTE OF PUBLIC ADMINISTRATION (INTAN)*

## SEMINAR ON GOVERNANCE INSIGHT SERIES (GIS) 2018

Seminar on Governance Insight Series (GIS) merupakan salah satu pentas wacana perkongsian ilmu bagi meningkatkan akauntabiliti, integriti dan etika kerja penjawat awam dalam sesebuah organisasi demi meningkatkan mutu perkhidmatan awam yang unggul dan berkesan. Penganjuran seminar ini diharapkan dapat memberi pendedahan dan pengetahuan mengenai bidang dan fungsi pentadbiran kepada penjawat awam agar dapat memantapkan jentera pentadbiran awam dalam menghadapi pelbagai cabaran. Seminar ini telah diadakan pada 14 September 2018 bertempat di Auditorium INTAN Bukit Kiara, Kuala Lumpur. Pada siri ini, YABhg. Tun Dato' Seri Zaki bin Tun Azmi, Mantan Ketua Hakim Negara telah dijemput sebagai speaker untuk menyampaikan topik yang bertajuk Pengasingan Kuasa: Di Mana Neutraliti Penjawat Awam? kepada lebih daripada 400 orang penjawat awam.





## *GOVERNANCE INSIGHT SERIES (GIS) SEMINAR 2018*

*Governance Insight Series (GIS) seminar was an initiative by the National Institute of Public Administration (INTAN). It was a platform for knowledge sharing to increase accountability ethics, integrity, and civil service work ethics in the organization. This is also to enhance the quality and effectiveness of the public service. A service of this semionar was held on 14 September 2018 at the Auditorium, INTAN Bukit Kiara, Kuala Lumpur. The speaker was YABhg. Tun Dato' Seri Zaki bin Tun Azmi, former Chief Judge who presented a topic on Separation of Power: Where is Civil Servants Neutrality? The seminar was attended by more than 400 civil servants.*



**The seminar aimed at prosiding civil servants with the exposure and knowledge on the scope and functions of administration in order to strenghten the management of public affairs particulary in fcing various challenges.**



## INTAN PUBLIC POLICY MINISTERIAL FORUM SERIES 2018

INTAN *Public Policy Ministerial Forum Series* 2018 dengan tema *Transformation Conversation, Driving Change* telah diadakan pada 13 November 2018 dengan menampilkan YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertahanan Malaysia sebagai speaker yang menyampaikan syarahan bertajuk "Perspektif Strategik Serantau: Ancaman Asimetrik Abad ke-21 Terhadap Pertahanan Negara". Forum ini telah diadakan di Auditorium, INTAN Bukit Kiara dan dihadiri oleh lebih 300 peserta dari pelbagai Agensi.

Pemilihan tema ini bertepatan dengan perkembangan strategi pertahanan dunia dan perkembangan teknologi ketenteraan yang telah mencipta spektrum ancaman baharu yang semakin kompleks. Ancaman asimetrik yang dikategorikan sebagai ancaman keselamatan bukan tradisional adalah ancaman yang lebih mencabar dan sukar untuk ditangani berbanding ancaman keselamatan tradisional kerana pelaku biasanya melibatkan warga negara dari pelbagai negara. Walaupun ancaman asimetrik tidak melibatkan tentera, seringkali penggunaan senjata atau senjata berbahaya yang lebih besar digunakan untuk menyebabkan kekacauan kepada ketenteraman dan keselamatan awam.

Ancaman asimetrik melibatkan semua domain seperti tanah, udara, maritim dan siber atau persekitaran maya. Oleh itu, adalah sangat rumit untuk menangani ancaman asimetrik berbanding dengan ancaman keselamatan tradisional yang boleh dikendalikan melalui pertahanan dan diplomasi untuk mengurangkan ketegangan antara negara dan meningkatkan kepercayaan bagi mencegah konflik daripada berlaku. Serangan kepada persekitaran atau alam sekitar merupakan satu jenis ancaman asimetrik baru ini. Antara contoh serangan kepada alam sekitar adalah penggunaan senjata biologi untuk memusnahkan hutan atau penggunaan bahan kimia untuk mencemarkan tasik-tasik utama yang menjadi sumber kehidupan penduduk tempatan mengakibatkan kemusnahan yang berleluasa dan kehilangan banyak nyawa.

Tindakan bersepadu antara agensi dan antara negara amat kritikal dalam usaha menangani ancaman asimetrik. Dalam hal ini, pendekatan secara keras dan lembut adalah perlu agar penyebab utama ancaman asimetrik ini dapat ditangani dengan berkesan dan tidak berulang semula. Pendekatan memenangi hati dan minda adalah satu strategi dalam mengekang ancaman asimetrik dan mencegah pertumpahan darah.

## *INTAN PUBLIC POLICY MINISTERIAL FORUM SERIES 2018*

*INTAN Public Policy Ministerial Forum Series 2018 with the theme 'Transformation Conversation, Driving Change' was organised on 13 November 2018 featuring YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu, Minister of Defence, Malaysia who delivered a talk on "Perspektif Strategik Serantau: Ancaman Asimetrik Abad ke 21 Terhadap Pertahanan Negara'. The Forum was held at Auditorium, INTAN Bukit Kiara and attended by 300 participants from various agencies.*

*The selection of the theme was timely as it echoed the development of world defence strategy and military technology which have created increasingly complex new spectrum of threats. Asymmetric threat categorised as unconventional security risk is far more challengging than conventional threat as it usually involves perpetrators from different countries. While asymmetic threat does not include military, the use of explosive devices and advanced weaponry often creates turmoil to public order and safety.*

*Asymmetric threat encompasses all domains such as land, air, maritime and cyberspace. Hence, it is extremely complex to handle than conventional security threat that can be addressed through defence and diplomacy to reduce tensions and increase trust between countries, thus avoid conflicts. Attack on environment and surrounding is a new form asymmetric threat that has led to major destructions and lost of lives. This includes the use biological warfare to destroy forests and chemicals warfare to contaminate central lakes which have been the source of life for local people.*

*Integrated approaches between agencies and between countries are critical in the effort to counter asymmetric threat. In this regard, both firm and soft approaches need to be considered to ensure the root of asymmetric threat is addressed effectively and will not recur. Winning hearts and minds is an effective strategy in curbing asymmetric threats and avoiding bloodshed.*




# TOWN HALL YAB PERDANA MENTERI BERSAMA-SAMA PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK (PTD)

*"Pegawai Tadbir & Diplomatik (PTD), tentera dan polis perlu setia kepada kerajaan semasa (government of the day) yang dipilih rakyat, tapi kesetiaan itu tidak sampai kepada melakukan jenayah."*

Berikut merupakan antara mesej penting Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad ketika menyampaikan ucapan dalam program Town Hall YAB Perdana Menteri Bersama-sama Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD). Program tersebut berlangsung pada 15 Ogos 2018, Rabu di Dewan Perdana, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya bermula pukul 10.30 pagi berjaya menghimpunkan seramai 3,700 orang pegawai dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik dari seluruh negara.

Program anjuran Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) ini turut dihadiri oleh YAB Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri, YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Datuk Borhan Dolah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, YBhg. Dato' Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan





Sesi soal jawab yang dikendalikan oleh Dato' Suriani Ahmad, Pengarah INTAN selaku moderator.



YAB Perdana Menteri memberi jawapan balas kepada soalan yang diajukan pada sesi soal jawab.

merangkap Pemangku Presiden PPTD dan Menteri-menteri Kabinet.

YAB Perdana Menteri turut menyentuh bahawa perlunya pengasingan kuasa di antara tiga cabang utama sistem demokrasi di negara ini, iaitu eksekutif, legislatif dan kehakiman. Pengasingan kuasa ini dapat memastikan wujudnya check and balance dalam pentadbiran Kerajaan. Dalam sesi interaktif juga, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan agar PTD sentiasa memegang kepada nilai-nilai murni seperti bersih, cekap dan amanah serta berdisplin. Sebagai peneraju perkhidmatan awam, PTD harus menampilkan nilai-nilai ini agar menjadi teladan kepada pegawai di bawah seliaan mereka.

Program dengan tema *'Way Forward: The Rise of Authentic Leadership'* tersebut menjadi platform kepada PTD untuk memahami dan menghayati aspirasi Perdana Menteri dan memberi peluang kepada PTD bertukar pandangan dan pendapat dengan pemimpin tertinggi negara. Peserta juga berkesempatan untuk mengutarakan soalan dan pandangan melalui aplikasi on-line dan inisiatif ini mendapat sambutan yang menggalakkan di mana sebanyak 207 soalan dan pandangan telah dikemukakan melalui aplikasi tersebut.

Antara cadangan yang disuarakan kepada YAB Perdana Menteri adalah agar penggunaan istilah "Saya Yang Menurut Perintah" digantikan kepada "Saya Yang Menjalankan Amanah" selaras dengan tugas dan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh para penjawat awam adalah merupakan amanah daripada rakyat. Turut dicadangkan supaya Town Hall YAB Perdana Menteri bersama-sama PTD diadakan secara berkala.

# TOWN HALL: PRIME MINISTER WITH ADMINISTRATIVE AND DIPLOMATIC SERVICE OFFICERS (PTD)

*"The Adminstrative and Diplomatic Service officers (PTD), the armed forces and the police need to be loyal while serving the goverment; however, the allegiance must not lead o committing crimes."*

*Prime Minister, YAB Tun Dr Mahathir Mohamad conveyed important messages to Administrative and Diplomatic Service (PTD) officers at a Town Hall Session held at Perdana Hall, Putrajaya International Convention Centre on Wednesday, 15 August 2018. The event was attended by 3700 officers from all over Malaysia.*

*Organised by the National Institute of Public Administration (INTAN) in collaboration with the Administrative and Diplomatic Service Association (PPTD), the session was also joined by YAB Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, Deputy Prime Minister, YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Chief Secretary to the Goverment, YBhg. Datuk Borhan Dollah, Director-General of Public Service, YBhg. Dato Lokman Hakim Ali, Secretary-General of Youth and Sports Ministry cum Acting President of PPTD and a few Cabinet Ministers.*

*The Prime Minister highlighted the importance of separation of power between three main branches of the democratic systems namely executive, legislativea dn judicial. This separation of power will ascertain that checks and balances are established in the Goverment administration. During the interactive session, Tun Dr Mahathir Mohamad reitrated that PTD officers should always uphold moral values such as clean, efficient, trustworthy and disciplined. As leaders in the public service PTD officers should demonstrate and exemplify these values to their subordinates*

*The session with the theme, "Way Forward, The Rise of Authentic Leadership' provided a platform for PTD officers to understand and appreciate the aspirations of the Prime Minister as well as an avenue for them to exchange opinion and perspectives with the premier leader of the country. Participantsalso had the opportunity to ask questions and express their views via online application. Such an initiative received encouraging response where 207 questions and views were put foward using the application.*

*Among the suggestions set forth to the Prime Minister was for the sign-off phrase 'I who obey orders' to be replaced with 'I who carry out the trust' which reflects that goverment officers are entrusted by the public to execute their duties and responsibilities as best as possible. It was also suggested that the Prime Minister's Town Hall Session with PTD be organised regulary.*



# KURSUS GEMILANG SAHSIAH ISTERI MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI

Kursus ini diadakan setiap kali selepas barisan Kabinet baharu kerajaan dibentuk atau disebabkan rombakan kabinet. Peserta kursus terdiri daripada isteri kepada barisan Kabinet yang baharu, yang belum pernah menghadiri kursus ini. Kursus ini telah diasaskan oleh YABhg. Isteri Perdana Menteri semenjak tahun 1982. Walau bagaimanapun, suntikan baharu telah diberi pada setiap kali kursus diadakan bagi memastikan ia kekal relevan dan sesuai dengan peredaran zaman. Walau bagaimanapun, asas kepada topik-topik yang diberikan masih sama bagi memastikan aspirasi sebenar kursus ini dapat dikekalkan.

Bagi tahun 2018, kursus ini telah diadakan pada 26 hingga 30 November dan para peserta adalah terdiri daripada ahli-ahli KASIH Malaysia iaitu Pertubuhan Kebajikan Amal Silaturahim Isteri-isteri Harapan. Kursus ini diadakan di Dewan Seri Baiduri, INTAN Bukit Kiara. Majlis Perasmian kursus ini disempurnakan oleh YABhg. Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, manakala Ucapan Alu-aluan semasa Majlis Perasmian disampaikan oleh YBhg. Dato' Suriani Dato' Ahmad, Pengarah INTAN. Majlis Penutupan juga disempurnakan oleh YABhg. Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali selaku Pengerusi KASIH Malaysia dan Ucapan Alu-aluan di Majlis Penutupan disampaikan oleh Penghulu Kursus yang telah dilantik pada hari pertama kursus. Kursus ini dihadiri oleh 39 orang peserta termasuk YABhg. Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali yang telah menghadiri kursus ini sepenuh masa.

**Objektif Kursus adalah seperti yang berikut:**

1. Meningkatkan ilmu, sahsiah dan kredibiliti isteri Menteri Kerajaan sebagai pemimpin dalam aktiviti wanita
2. Memahami pembaharuan dan perubahan dalam dasar-dasar kerajaan
3. Memahami peranan sebagai isteri menteri yang memberi manfaat kepada keluarga, masyarakat dan negara serta sebagai sumber motivasi dalam menjaga imej dan mendampingi kerjaya suami
4. Menerap budaya patriotisme, bersih, cekap, amanah, bermaruah dan berintegriti bagi memupuk budaya pekerti terbilang serta beretika tinggi dalam membuat keputusan
5. Memberi pendedahan mengenai tatacara sebagai tuan rumah yang berbudaya, berkualiti, berkemahiran dan berkeyakinan



**YABhg. Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali menandatangani buku pelawat INTAN semasa ketibaan, disambut oleh YBhg. Dato' Suriani Dato' Ahmad, Pengarah INTAN dan YBrs. Dr. Mohd Bakhari Ismail, Timbalan Pengarah Kanan INTAN.**



**Para peserta bergambar bersama-sama YABhg. Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan YBhg. Tan Sri Rafidah Aziz.**



**Para Peserta Menjalankan Aktiviti Group Dynamics.** *Participants candidates the 'Group Dynamics Aetrity'.*

## COURSE FOR DEPUTY MINISTERS AND WIFE MINISTERS

*This is a course specially designed for minister's after wifes new government and the reshuffled cabined the has been reformed. The participants of this course are usually wife to the new minister, who never attended this course. This course was pioneered by YABhg. Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali, since 1982. To remain relevant throughout the era, it is a step foward to organize Ministers Wives this course. Neverthерless, the fundamental topic has been given to keep with the goal of this course.*

*At 26 November 2018, this course was held for five days, at Dewan Seri Baiduri, INTAN Bukit Kiara, and the participants consist of members from KASIH Malaysia that is Pertubuhan Kebajikan Amal Silaturahim Isteri-isteri Harapan which has 39 members including the Prime Minister's wife. The course was launced and closed by the Prime Ministers wife YABhg. Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali, the first lady as the president of KASIH Malaysia, while the welcome speech was given by YBhg. Dato' Suriani Dato' Ahmad, director INTAN. The closing ceremony speech*





**Ceramah Struktur Kerajaan Malaysia dan Sistem Pentadbiran Awam oleh Encik Norazmi Norawi, Penasihat Undang-undang Jabatan Perkhidmatan Awam.**

*Malaysian Goverment Structure and Public Administration System Talk by Mr Norazmi, Legal Advisor of the Public Senior Department.*

*was given by the director of this course which has been appointed on the first day the course was held.*

***The Objectives of this course are:***

1. *To gain knowledge, strengthen personality, and credibility of the Minister's wife as leaders in women's activity*
2. *To understand the revamp and reform of the head of government*
3. *To understand the role of Minister's wife in which gives benefits to family, society, and country as well as creating motivation in managing image and career husband.*
4. *To apply culture of patriotisme, clean, efficient, trustworthy, dignity and integrity in encouraging good values when making decisions.*
5. *To expose the method cultured, quality, skills and self-assured as a host.*



**Para Peserta Membuat Pengucapan Awam Penggunakan Kaedah Snake & Ladder Board.**
*Participants conducty public speaking using the snake and ladder board method.*



**Peserta Di Sesi The Art of Fine Dining And Table Setting.**
*Participants doing the Art of Fine Dining Table Setting.*

Bernama.com Pastikan Benar

Malay | English | Mandarin | Arabic | Español

AM+ EKONOMI+ POLITIK+ SUKAN+ RENCANA+ DUNIA+ LAMAN MIKRO+ E-NEWSLETTER WEBTV

BERITA AM

## Kursus Gemilang Sahsiah Isteri Menteri dan Timbalan Menteri bantu majukan diri

Tarikh kemaskini: 26/11/2018

KUALA LUMPUR, 26 Nov (Bernama) -Kursus Gemilang Sahsiah Isteri Menteri dan Timbalan Menteri merupakan platform untuk peserta memajukan diri supaya tidak tertinggal dalam era pembangunan, bukan sahaja dalam negara malahan secara global, kata Isteri Perdana Menteri Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

Dr Siti Hasmah yang juga Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Amal Silaturahim Isteri-isteri Harapan Malaysia (Kasih Malaysia) berkata uniknya kursus pada kali ini kerana pesertanya adalah terdiri daripada isteri Menteri dan Timbalan Menteri yang dahulunya adalah daripada pihak lawan.

"Ini satu kejayaan kerana kita dapat berkumpul bersama, dahulunya kita sebagai pihak lawan atau pembangkang dan tidak punyai apa-apa, dahulu isteri Menteri tidak bermesra sebagai satu pasukan, sekarang syukur alhamdulillah isteri-isteri pemimpin parti bagi kerajaan baharu, kita dapat bergabung dan bersama-sama bermesra bawah satu bumbung.


Sesi Bergambar Peserta Bersama-sama YB Timbalan Perdana Menteri.


Ucapan Amanat Khas YAB Perdana Menteri.

## PROGRAM EKSEKUTIF KHAS ANGGOTA PENTADBIRAN KERAJAAN MALAYSIA

Program Eksekutif Khas Anggota Pentadbiran Kerajaan Malaysia merupakan program eksekutif khas yang melibatkan semua Anggota Pentadbiran yang baharu yang terdiri daripada Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Sulit Kanan (SUSK), Setiausaha Akhbar (SUA), Setiausaha Politik (SUPOL) dan Pegawai Tugas-tugas Khas. Program yang pertama kali diadakan ini khusus untuk memberi pendedahan mengenai sistem pentadbiran kerajaan dan kaedah pelaksanaannya agar semua Anggota Pentadbiran Negara jelas mengenai segala tugas serta tanggungjawab mereka yang berlandaskan kepada prinsip "rule of law" yang juga berpaksikan kepada elemen "good governance" Kerajaan pada masa kini.

INTAN telah menganjurkan Program Eksekutif Khas Untuk Anggota Pentadbiran Kerajaan Malaysia ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman mengenai konsep, prinsip dan panduan praktikal berkaitan struktur dan sistem pentadbiran Kerajaan Malaysia, integriti, protokol, pengurusan media dan etika dalam perkhidmatan awam. Program ini telah diadakan dengan jayanya pada 9 Disember 2018 bertempat di Hotel Marriot Putrajaya yang melibatkan kehadiran peserta dan tetamu jemputan seramai 238 orang. Turut hadir bersama-sama pada program ini adalah YAB Perdana Menteri dan isteri yang hadir bagi memberi amanat khas kepada semua peserta.

Turut hadir bersama-sama pada program ini adalah YAB Perdana Menteri dan isteri. Beliau hadir bagi memberi amanat khas kepada semua peserta. Diharapkan agar kursus yang diadakan ini boleh membantu Anggota Pentadbiran untuk mensasarkan impak yang positif dalam tadbir urus negara dan seterusnya mendokong hasrat negara dalam memacu dan melengkapkan inisiatif program reformasi Kerajaan. Semoga apa yang dipelajari akan dibudayakan dalam kementerian masing-masing dan diterjemahkan dalam bentuk tindakan selaras dengan aspirasi pembangunan negara. YBhg. Tan Sri Datin Paduka Sri Rafidah binti Aziz turut hadir menyampaikan perkongsian ilmu berkaitan protokal rasmi dan pengalaman beliau dalam pentadbiran kerajaan.

## *SPECIAL EXECUTIVE PROGRAMME FOR MEMBERS OF MALAYSIAN ADMINISTRATION GOVERNMENT*

*Special executive programme members for Malaysian administration government is a special programme which involves the new Administration members which consist of the Minister, Deputy Minister, Chief of Staff (SUSK), Press Secretary (SUA), Political Secretary (SUPOL) and Special Officer to Minister. This first time the programme was held was to expose to the new system of the new governments administration and the implementation of Government's method so that the Members of the Malaysian Administration understand the task and the responsibility based on the princip "rule of law" which stand to the element of "good governance" now.*

*Organized by INTAN on 9 December 2018 at Hotel Marriot Putrajaya the aim of Special Executive Programme Members of Malaysian Administration Government is to improve the understanding of the concept principal, and practical guidance towards the system and administrative structure of the Malaysian government, as well as integrity, protocol, and media ethics management in the public service. This programme is set up with a mandate presented by YAB Tun Dr Mahathir Mohamad and his wife to 238 participants.*

*To help Members of the Malaysian Administration in focussing the positive impact in governing the country while conducting and completing the initiative of government reformation programme. This programme his hoped that with bring culture to in each ministry while delivering the task in line with the aspiration of development of this country. YBhg. Tan Sri Datin Paduka Sri Rafidah binti Aziz also attended this programme to share with knowledge in official protocol and her experience in governing the country.*



## *TRAINING PROGRAMME FOR THE RUSSIAN PRESIDENTIAL ACADEMY OF NATIONAL ECONOMY AND PUBLIC ADMINISTRATION (RANEPA) ON PUBLIC POLICY AND ADMINISTRATION IN MALAYSIA'S PERSPECTIVE*

Buat julung kalinya, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), dengan anjuran bersama PEMANDU Associates Sdn. Bhd., telah melaksanakan satu program latihan untuk Pegawai Pengurusan Tertinggi Kerajaan Persekutuan Rusia di bawah The Russian Presidential Academy of National Economy and Public Administration (RANEPA).

Program latihan ini telah berlangsung selama seminggu pada 1 hingga 5 Oktober 2018 dan dihadiri oleh seramai 41 orang Pegawai Pengurusan Tertinggi Kerajaan Persekutuan Rusia.

Program latihan tersebut adalah berkenaan dasar dan pentadbiran awam dalam perspektif Malaysia. Kursus ini dirangka khas bagi memberi pendedahan kepada para peserta berkenaan pengalaman Malaysia dalam merancang dan melaksanakan pelbagai dasar di sektor awamnya, di samping menjadi platform untuk saling bertukar pengalaman dan pandangan mengenai peranan sesebuah kerajaan dalam pembangunan awam dan sosio-ekonomi. Antara topik yang dirangkumi termasuklah program dan inisiatif transformasi Malaysia dan perkongsian pengalaman di Malaysia dalam sektor awam seperti infrastruktur, perkhidmatan penjagaan kesihatan, pendidikan, pembangunan perumahan dan pengurusan kewangan. Program latihan ini dilihat sebagai pembuka langkah kepada ruang dan peluang kerjasama antara INTAN dan RANEPA di masa hadapan.







## SPECIAL EXECUTIVE PROGRAMME FOR MEMBERS OF MALAYSIAN ADMINISTRATION GOVERNMENT

*Special executive programme for members of Malaysian administration government is a special programme which involves the new Administration members which consist of Minister, Deputy Minister, Chief of Staff (SUSK), Press Secretary (SUA), Political Secretary (SUPOL) and Special Officer to Minister. This first time this programme was held was to expose to the new system of the new government administration and the implementation Government method so that the Members of Malaysian Administration understand the task and the responsibility based on the princip "rule of law" which stand to the element "good governance" now.*





*Organized by INTAN, on 9 December 2018 at Hotel Marriot Putrajaya the aim of Special Executive Programme Members of Malaysian Administration Government is to improve the understanding of the concept, principal, and practical guidance towards system and administrative structured of Malaysian government, as well as intregrity, protocol, and media ethics management in public service. This programme is set up with a mandate presented by YAB Tun Dr Mahathir Mohamad and wife to 238 participants.*

*To help Members of Malaysian Administration in focussing the positive impact in governing the country while conducting and completing the initiative of government reformation programme. This programme is desire to be  cultured in each minstry while delivering the task in line with the aspiration of development country. YBhg. Tan Sri Datin Paduka Sri Rafidah binti Aziz also attended this programme to share the knowledge in  official protocol and her experience in governing the country.*

# RESEARCH COLLOQUIUM 2018 (RC 2018)

Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Modal Insan (BMI), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah menganjurkan *Research Colloquium 2018 (RC 2018)* pada 20 September 2018 (Khamis) di Auditorium, INTAN Bukit Kiara. Kolokium ini merupakan program tahunan INTAN dan kali ini adalah tahun kedua INTAN menganjurkannya. Seramai 450 orang peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai dari Kementerian dan Jabatan Persekutuan/Negeri, badan-badan berkanun dan institusi-institusi pengajian tinggi awam telah menghadiri program ini.

Peserta program adalah terdiri daripada mereka yang kini telah kembali bertugas di kementerian dan jabatan masing-masing. Sebelum ini mereka adalah merupakan pegawai yang telah menerima Hadiah latihan Persekutuan (HLP) oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dan ijazah kedoktoran (Ph.D) di universiti di dalam dan luar negeri.

**Objektif penganjuran RC 2018 ini adalah seperti berikut:**

i. untuk mewujudkan satu platform perkongsian ilmu mengenai kajian-kajian yang telah dilaksanakan oleh penjawat awam yang telah menamatkan tajaan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) dalam program sarjana atau ijazah kedoktoran (Ph.D.) atau;
ii. untuk mengenalpasti hasil kajian yang mempunyai implikasi ke atas dasar kerajaan untuk dibuat penambahbaikkan; dan
iii. untuk mengenalpasti kajian yang sesuai untuk diterbitkan.

Penganjuran RC 2018 ini telah menjadi satu forum kepada para penerima HLP yang telah berjaya menamatkan kajian di peringkat sarjana dan Ph.D untuk membentang penemuan hasil kajian mereka. Sehubungan dengan itu, program ini telah menyediakan satu platform untuk memperolehi pengetahuan baharu dari hasil dapatan penyelidikan pegawai-pegawai Kerajaan yang seterusnya dapat mengkukuhkan apresiasi kepentingan penyelidikan di dalam kalangan penjawat awam. Selain itu, RC 2018 berperanan sebagai mekanisme untuk mengenal pasti dapatan-dapatan kajian yang mempunyai implikasi dasar dan mengetengahkannya sebagai input kepada penggubalan atau penambahbaikan dasar dan peningkatan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Pada RC 2018 lalu, Sebanyak 37 kertas penyelidikan telah dibentangkan oleh 23 orang bekas penerima HLP di peringkat sarjana dan 14 orang bekas penerima HLP di peringkat PhD. dalam pelbagai bidang. Sebanyak 8 sesi pembentangan selari telah dijalankan dalam RC 2018 ini yang meliputi pembentangan kajian-kajian dalam tujuh (7) bidang tema utama seperti berikut:

i. Antarabangsa dan Keselamatan;
ii. Pentadbiran Am dan Dasar, dan Pengurusan Teknologi;
iii. Public Private Partnership dan Pengurusan Perolehan;
iv. Sosiologi dan Kemanusiaan;
v. Ekonomi dan Kewangan;
vi. Sumber Manusia; dan
vii. Pentadbiran Tanah dan Pengajian Islam.

Hasil daripada kollokium ini, INTAN telah dapat mengeluarkan penerbitan prosiding yang mengandungi himpunan kertas penyelidikan yang dibentangkan.

Selaku institusi latihan dan pembelajaran perdana bagi sektor awam, INTAN berperanan sebagai pemacu transformasi ke arah memartabatkan keilmuan dan membudayakan penyelidikan dalam sektor awam. Justeru, menerusi Research Colloquium ini , penemuan dan saranan penyelidikan yang berpotensi besar ke arah menjana impak signifikan, akan terus diketengahkan menerusi forum-forum tertentu kepada kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang terlibat supaya pelaksanaannya kelak dapat menyumbang manfaat besar kepada rakyat keseluruhannya.



## RESEARCH COLLOQUIUM 2018 (RC 2018)

*National Institute of Public Admin (INTAN) in conjuction with the Department of Developing Human Capital (BMI), The Public Service Department (JPA) organizing the Research Colloqium 2018 (RC 2018) on Thursday, 21 September 2018 at Auditorium, INTAN Bukit Kiara. This colloqium is an annual event by INTAN and this is the second year that it has been held. A total of 450 participants which includes officers from Federal Department Ministry, non-profit organization and higher education institutions.*

*The participants from this programme are former officers who receive awards (HLP) for furthering their studies in Master Degree and Philosophy Doctorate (Ph.D) in local or foreign universities, from The Public Service Department (JPA) and currently working at their ministry and each department respectively.*

***The objective of the RC 2018 are:***

1. *To create a platform of sharing knowledge in research that has been conducted by the scholar (HLP) in Master Degree and Philosophy Doctorate (Ph.D)*
2. *To identify the research outcomes which has implications towards improving the governments foundation*
3. *To identify the research which is convenient to published.*

*This is a forum for HLP scholar who have succesfully ended their Master's Degree and Philosophy Doctorate (Ph.D) to present their research. Apart from that, this programme is an opportunity to gain new knowledge from the research outcomes by government officers as well as appreciating the importance of research onduced by the government officers. Furthermore, RC 2018 is a mechanism to ensure that research findings has an implicated in towards improving government foundation and implement it as input to enhance or produce effective service towards nations.*
*In RC 2018, a total of 37 reseacrh papers have been presented by 23 HLP Master Degree scholars and 14 HLP Philosophy Doctorate (Ph.D) scholars, in a variety of fields. 8 sessions of presentation have been presented including 7 fields which are:*

I. *International and Security;*
II. *Public Administration Foundation and Technology Management*
III. *Public Private Partnership and Acquisiton Management*
IV. *Financial and Economic*
V. *Human Resource*
VI. *Land Management and Islamic Studies*

*INTAN managed to come up with publication of including a collection of research papers which have been presented*
*As an institution of training and learning for public sector, the role of INTAN as transformation an agent of in working culture in research to aspire knowledge. Therefore, through the colloqium research, guidance and discovery big potential research allow significant implications and will be featured through forum to involve the ministry and government agencies as it will implement and contribute to the nation.*



# BAHAGIAN PENYELIDIKAN, PERANCANGAN DAN DASAR

# *RESEARCH, PLANNING AND POLICY DIVISION*

## PEMBAHARUAN PERKHIDMATAN AWAM (PUBLIC SERVICE REFORM) – PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Pembaharuan Perkhidmatan Awam *(Public Service Reform)* adalah salah satu agenda utama Kerajaan Persekutuan baru yang berfokuskan kepada pembangunan dan pengurusan sumber manusia di mana ianya telah dipersetujui oleh YAB Perdana Menteri pada 23 Oktober 2018 yang lalu.

Sebagai Agensi Pusat, JPA telah diberi mandat untuk mengetuai Jawatankuasa Mengkaji Transformasi Perkhidmatan Awam yang berfokuskan kepada Pembangunan dan Pengurusan Sumber Manusia. Perkara ini selaras dengan usaha Kerajaan untuk mengurangkan kos, meningkatkan pendapatan dan mencapai sasaran mengurangkan defisit fiskal, dengan semua Kementerian perlu meningkatkan produktiviti. Dalam hubungan ini, beberapa pembaharuan seperti pembaharuan fiskal, institusi kehakiman dan perundangan, perkhidmatan awam, struktur, nilai dan federalisma perlu dikaji dan dilaksanakan oleh Kementerian/ Agensi yang berkaitan.

Dalam hubungan ini, satu kerangka Kajian Pembaharuan Perkhidmatan Awam telah dibangunkan sebagai asas kepada reformasi pembangunan dan pengurusan sumber manusia

## *PUBLIC SERVICE REFORM – ENHANCING PUBLIC SERVICE DELIVERY*

*Public Service Reform is one of the main Federals State agenda focusing on enhancing public service delivery. On 23 October 2018, this agenda has been acknowledged by the Prime Minister Tun. Dr. Mahathir Mohamad.*

*JPA, as the Hub Agency, has been given the authorization to conduct the Bureau of Researching and Transforming the Public Service which focus is on Development and Human Resource Management. This implementation is in line with the Federal Constitution to reduce cost, improving remuneration, and increasing customer satisfaction. In this context, various improvement need to be researched by the Hub Agency*



alaf baharu. Kerangka ini adalah berpaksikan kepada beberapa dokumen utama termasuk laporan *The Future of Malaysian Public Service 2020 and Beyond,* Rancangan Malaysia Kesebelas serta Kajian Separuh Penggal. Kajian ini telah mengenal pasti 25 aspek utama *(key drivers)* yang akan memberi impak kepada Perkhidmatan Awam antara lainnya adalah kepimpinan yang berfikiran kehadapan; penyelidikan inovasi dan pembangunan bakat berkualiti tinggi; dan keberkesanan sistem dalam membuat keputusan termasuklah *Artificial Intelligent (AI)* dan *Quantum Computing.*

Atas perkara yang sama, Bab 10, Tonggak Pertama Kajian Separuh Penggal RMK-11 telah menggariskan empat bidang utama *(Priority Area)* yang perlu menjadi tumpuan Kerajaan iaitu:

i. Menambahbaik tadbir urus di pelbagai peringkat;
ii. Memperkasa integriti dan akauntabiliti;
iii. Menguatkuasa pengurusan kewangan awam yang lebih teliti *(prudent);* dan
iv. Memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Kerangka ini akan menjadi pemangkin kepada pembentukan penjawat awam yang lebih holistik dalam aspek pembangunan bakat, organisasi yang lebih fleksibel, dan budaya kerja yang berfokuskan rakyat dengan berpegang kepada amalan bebas rasuah. Ia juga




berpaksikan kepada lima perkara utama dalam membentuk sebuah Perkhidmatan Awam yang unggul, berorientasikan rakyat, berintegriti dan berakauntabiliti, cekap, telus serta bestari.

Reformasi terhadap Perkhidmatan Awam ini memerlukan Inisiatif Strategik yang memberi impak besar kepada penjawat awam. JPA akan terus berusaha meningkatkan keberkesanan Pembangunan dan Pengurusan Sumber Manusia khususnya dalam konteks kenaikan pangkat, sistem saraan yang lebih kompetitif, organisasi yang fleksibel, menggariskan pelan latihan yang lebih komprehesif dan lain-lain inisiatif supaya ianya dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan cekap di Kementerian dan Agensi kelak.

*such as fiscal improvement, legislative and judiciary, public service, structure, values and federalism.*

*Additionally, a framework of Reforming Governance towards Greater Transparency and Enhancing Efficiency of Public Service has been developed as the fundamental of enhancing public service delivery reformation in this new millennium. This framework is in line with the main subject matter which includes the report of The Future of Malaysian Public Service 2020 and Beyond, along with Mid-Term Review of the Eleventh Malaysia Plan. 25 key drivers have been identified in this research which brings impact to Public Service including future thinking leadership, innovation research, business excellence model, and effectiveness system in decision making as well as Artificial Intelligence (AI) and*







*Quantum Computing.*

*In the Mid-Term Review of the Eleventh Malaysia Plan, chapter 10, these efforts will cover four priority areas, which are:*

*i. Improving governance at all levels*
*ii. Elevating integrity and accountability*
*iii. Enforcing prudent public finance management*
*iv. Enhancing public service delivery*

*This framework will be a guidance to the public service with the need for a holistic reform towards business excellence model, flexible organization, dedication focussing on priorities to the people and free from corruption. These efforts are oriented to the five areas in reforming holistic Public Service in order to regain the people's orientation, integrity, and accountability, as well as efficiency and effectiveness.*

*Public Service reformation is an initiative strategy which reflects a new brand of Malaysian Government to public servant. The effort of public service reform will be enhanced by JPA specially in promoting career development, competitive retirement system, flexible organization and others initiatives as it will effectively and successfully implemented in the Ministries and agencies.*



# UNIT KOMUNIKASI KORPORAT (UKK)

# CORPORATE COMMUNICATION UNIT (UKK)

## PELANTIKAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM (KPPA) MALAYSIA KE-23, YBHG. DATUK SERI BORHAN BIN DOLAH

Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah memaklumkan mengenai pelantikan YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) Malaysia yang baharu berkuatkuasa pada 13 Julai 2018 bagi menggantikan YBhg. Tan Sri Zainal Rahim Seman yang tamat tempoh kontrak. Surat pelantikan jawatan KPPA yang ke-23 telah disampaikan oleh Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Dr Ali Hamsa. Beliau menjawat jawatan selaku Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar selama hampir dua (2) tahun sebelum beliau dilantik sebagai KPPA. YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah yang berumur 59 tahun mempunyai berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Antrapologi dan Sosiologi) Kepujian daripada Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Pentadbiran

## *THE APPOINTMENT OF THE CHIEF DIRECTORY OF PUBLIC SERVICE (KPPA) MALAYSIA KE-23, YBHG. DATUK SERI BORHAN BIN DOLAH*

*The Prime Minister Department (JPM) has appointed YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah as the new Chief directory of Public Service (KPPA) on 13 July 2018 to replace YBhg. Tan Sri Zainal Rahim Seman who has ended his contract. The 23rd KPPA appointment letter has been delivered to Chief Secretary to the Government of Malaysa, YBhg. Tan Sri Dr*






Awam dari Universiti Hartford, Amerika Syarikat. Beliau telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama lebih 30 tahun apabila mula menyertai perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 13 Januari 1986. Beliau berpengetahuan luas dalam bidang pengurusan sumber manusia, pengurusan projek dan pentadbiran am menerusi karier perkhidmatan beliau di peringkat Daerah, Negeri dan Persekutuan.

Ketibaan YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah di Jabatan Perkhidmatan Awam pada 16 Ogos 2018 telah disambut dengan perbarisan tabik hormat selamat datang oleh Polis Bantuan JPA, bacaan doa dan seterusnya beliau bersalaman dengan semua barisan Pengurusan Tertinggi JPA sebelum ke aras 13 bagi mendengar taklimat korporat JPA.

Seluruh warga JPA ingin mengucapkan sekalung tahniah di atas lantikan YBhg. Datuk Seri Borhan Dolah selaku KPPA yang baharu dan berharap agar JPA terus maju dibawah teraju dan kepimpinan beliau pada masa akan datang.



*Ali Hamsa.*

*Prior to being appointed as KPPA, YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah resigned as Chief Secretary Ministry of Rural Development for 2 years. He is 59 years old, graduated with an Anthropology and Sociology Honours Degree from University of Malaya (UM) and Master's in Public Management from Hartford University, United States of America. He served as a Public Servant for about 30 years when he joined the Administration and Diplomatic Service (PTD) on 13 January 1986. YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah has a very good skills and is knowledgeable in the human resource management field, project management, public administration throughout his career on the district level, federal level and state level.*

*JPA Police Assistance welcome the arrival of YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah, on 16 August 2018, in Public Service Department together with a salutation parade and prayer as well as official handshakes with superior officers before he went to level 13 for a JPA corporate speech.*

*All JPA's members would like to congratulate YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah as the new Chief directory of Public Service (KPPA) and hope JPA will be successful as well as have ease in future undertakings under his leadership.*







# KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS TYT YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA DAN YAB KETUA MENTERI MELAKA

Ibarat sirih pulang ke ganggang, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) Malaysia yang baharu, YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah yang berasal dari Bachang, Melaka telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke negeri Melaka pada 27 Julai 2018.

Kehadiran YBhg. Datuk Seri KPPA telah disambut mesra oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, YB Datuk Wira Roslan bin Ibrahim dan warga kerja SUK Negeri Melaka pada pagi tersebut. Selepas perjumpaan bersama YB Datuk Wira Roslan bin Ibrahim, beliau telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YAB Ketua Menteri Melaka, Tuan Hj. Adly bin Zahari. Sejurus selepas itu, YBhg. Datuk Seri KPPA turut mengadakan kunjungan hormat ke atas Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Dr. Mohd Khalil bin Yaakob di Pejabat TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka, Jalan Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka.

Sebaik selesai mengadakan lawatan kerja rasmi tersebut, YBhg. Datuk Seri KPPA telah berbesar hati untuk meluangkan masa dan beramah mesra dengan pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Melaka di Botanical Garden. Sesi ramah mesra ini adalah merupakan anjuran Persatuan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PPTD) negeri Melaka.

## *COURTESY VISIT FROM HIS EXCELLENCY MELAKA AND YAB CHIEF MINISTERS OF MELAKA*

*On 27 July 2018, The new Chief directory of Public Service (KPPA), YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah, who is originally from Bachang, Melaka made a courtesy visit to Melaka.*
*Melaka Government Secretary, YB Datuk Wira Roslan bin Ibrahim and officers SUK Melaka state, welcome the arrival of YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah. The courtesy visit with YAB Chief Minister of Melaka, Tuan Hj. Adly bin Zahari, was done after the meeting with YB Datuk Wira Roslan bin Ibrahim , Melaka Government Secretary. The courtesy visit continued with meeting His excellency Tun Datuk Seri Utama Dr. Mohd Khalil bin Yaakob at TYT Yang-di-Pertua Negeri Melaka Office, Jalan Seri Negeri Ayer Keroh, Melaka.*

*After the courtesy meeting, the new Chief directory of Public Service (KPPA), YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah had a conversation or two with Melaka Officers at Botanical Gardens. This session was organized by The Melaka Administration and Diplomatic Service Officer Union (PPTD).*





## KUNJUNGAN HORMAT YBHG. DATUK KPPA KEPADA TYT TUN DATO' SERI UTAMA, (DR.) HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI ABBAS

Pada sesi pagi bertarikh 4 Oktober 2018 iaitu lawatan kerja rasmi ke negeri Pulau Pinang, YBhg. Datuk Seri KPPA telah meluangkan masa menyampaikan amanat dalam satu majlis rasmi bersama warga kerja dan penjawat awam Pulau Pinang di Universiti Sains Malaysia (USM). YBhg. Datuk Seri KPPA turut menyampakan Sijil Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) kepada ahli-ahli AKRAB pada sesi majlis amanat tersebut.

Kehadiran YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah dan delegasi JPA telah disambut mesra oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, YB Dato' Seri Farizan bin Darus dan warga kerja SUK Negeri Pulau Pinang sewaktu mengadakan lawatan kerja rasmi ke Pejabat Pentadbiran Negeri di KOMTAR. Selepas itu, beliau telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YAB Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang. Sejurus selepas itu, YBhg. Datuk Seri KPPA turut mengadakan kunjungan hormat ke atas Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama, (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas di Seri Mutiara, Pulau Pinang.

*KUNJUNGAN HORMAT YBHG. DATUK KPPA KEPADA TYT TUN DATO' SERI UTAMA, (DR.) HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI ABBAS*

*Pada sesi pagi bertarikh 4 Oktober 2018 iaitu lawatan kerja rasmi ke negeri Pulau Pinang, YBhg. Datuk Seri KPPA telah meluangkan masa menyampaikan amanat dalam satu majlis rasmi bersama warga kerja dan penjawat awam Pulau Pinang di Universiti Sains Malaysia (USM). YBhg. Datuk Seri KPPA turut menyampakan Sijil Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) kepada ahli-ahli AKRAB pada sesi majlis amanat tersebut.*

*Kehadiran YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah dan delegasi JPA telah disambut mesra oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, YB Dato' Seri Farizan bin Darus dan warga kerja SUK Negeri Pulau Pinang sewaktu mengadakan lawatan kerja rasmi ke Pejabat Pentadbiran Negeri di KOMTAR. Selepas itu, beliau telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YAB Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang. Sejurus selepas itu, YBhg. Datuk Seri KPPA turut mengadakan kunjungan hormat ke atas Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama, (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas di Seri Mutiara, Pulau Pinang.*

## KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS TYT YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH

## *COURTESY CALL ON HIS EXCELLENCY YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH*

**Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima Haji Juhar Haji Mahiruddin telah sudi menerima kunjungan hormat daripada YBhg. Datuk Seri KPPA di Istana Negeri Kota Kinabalu, Sabah pada 8 November.**

**Antara perkara yang dibincangkan adalah mengenai halatuju perkhidmatan awam dalam menyokong pentadbiran Kerajaan yang baharu. YBhg. Datuk Seri KPPA turut memaklumkan mengenai perancangan penggulungan Akta Perkhidmatan Awam di Parlimen bagi melindungi kebajikan penjawat awam. Akta tersebut turut merangkumi pembangunan Kod Etika Perkhidmatan Awam yang meliputi penjelasan mengenai taat setia, patriotisme, sikap berkecuali (neutrality) dan ketidakadilan (impartiality), tadbir urus yang baik dan nilai-nilai murni di kalangan penjawat awam.**

**Sebaik selesai mengadakan kunjungan hormat tersebut, YBhg. Datuk Seri KPPA telah mempengerusikan Mesyuarat WOPF (Widow and Orphans Pension Fund) @ Mesyuarat Lembaga Pengurusan Kumpulan Wang Pencen Balu dan Anak Yatim dengan dihadiri oleh ahli-ahli lembaga pengurusan dari negeri Sabah dan Sarawak.**

*The New Director-General of Public Service (DGPS), YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah paid a courtesy call on His Excellency Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima Haji Juhar Haji Mahiruddin on 8 November 2018 at Istana Negeri Kota Kinabalu, Sabah.*

*Among the matters that were discussed was the civil service's support of the new goverment administration. Datuk Seri Borhan also informed about the proposal of Public Service Act, aimed to protect the civil servants' welfare. The Act also includes the development of Public Service Code of Ethics consisting of loyalty, patriotism, neutrality, impartiality, good governance and moral values.*

*After the courtesy call, Datuk Seri Borhan chaired a meeting for Widows and Orphans Pension Funds (WOPF) that was attended by the board members from Sabah and Sarawak.*





# KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS YAB KETUA MENTERI SABAH

Ketua Menteri Sabah, YAB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal telah berbesar hati menerima kunjungan hormat dari[ada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah pada 24 September 2018 di Pusat Pentadbiran Negari Sabah (PPNS), Kota Kinabalu, Sabah. Kehadiran YBhg. Datuk KPPA turut disambut mesra oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, YB Datuk Hashim Paijan yang turut hadir bersama pada pagi tersebut.

YAB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal telah mengangkat sumpah selaku sebagai Ketua Menteri Sabah ke-15 pada 12 Mei 2018 yang lepas. Beliau juga merupakan Presiden parti Warisan Sabah (Warisan) dan Ahli Parlimen Semporna.

Pada sesi lawatan tersebut juga, YBhg. Datu Seri KPPA dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, YB Datuk Hashim Paijan telah mempengerusikan Mesyuarat Perhubungan Antara Jabatan Perkhidmatan Awam dengan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sabah ke-20. Beliau juga turut bersama-sama delegasi JPA mengunjungi INTAN Kampus Wilayah Sabah di Tuaran bagi sesi ramah mesra bersama warga kerja INTAN Sabah.













## COURTESY VISIT TO CHIEF MINISTER OF SABAH

*On 24 September 2018, the Director-General of Civil Service (KPPA), YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah paid a courtesy visit to Chief Minister of Sabah, YAB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal at Sabah State Administrative Centre (PPNS), Kota Kinabalu, Sabah. Also in attendance was Sabah State Secretary, YB Datuk Hashim Pajian.*

*YAB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal swore-in as the 15th Chief Minister of Sabah on 12 May 2018. He is also the President for Parti Warisan Sabah (Warisan) and Semporna MP.*

*During his visit, YBhg, Datuk Seri Borhan and YB Datuk Hashim co-chaired the 20th Meeting between the Public Service Deaprtment and Sabah State Administrative. The former, along with a delegation from JPA, also visited the campus of INTAN Sabah in Tuaran for a meet and greet session with the staff.*

# LAPORAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM BAGI TEMPOH 1 JANUARI - 31 DISEMBER 2018.

Unit Komunikasi Korporat bertanggungjawab sebagai penyelaras aduan, cadangan dan pertanyaan bagi Jabatan Perkhidmatan Awam. Bagi tahun 2018, peratus Pencapaian Piagam untuk Pengurusan Pelanggan adalah 95.03 peratus. Berikut adalah laporan aduan/pertanyaan/cadangan JPA bagi tempoh 1 Januari - 31 Disember 2018:




**Statistik Mengikut Jenis Maklum Balas**

# *REPORT ON COMPLAINTS/ INQUIRIES/ SUGGESTIONS RECEIVED BY THE PUBLIC SERVICE DEPARTMENT (PSD) FROM 1 JANUARY - 31 DECEMBER 2018.*

*The Corporate Communication Unit (UKK) coordinates complaints, inquiries and suggestions received by the Public Service Department (PSD). In 2018, the achievement rate for Customer Relationship Management is 93.45 percent. The following is the statistical report of complaints, inquiries and suggestions received by PSD from 1 January - 31 December 2018.*




**Statistik Mengikut Sumber**




**Statistik Penyelesaian Mengikut Bahagian**

*Status Dalam Tindakan adalah aduan/pertanyaan diterima pada minggu ke-4 Disember 2018
*Kes dalam tindakan cetakan laporan sebelum 3 Januari 2019

# BAHAGIAN PERKHIDMATAN *SERVICE DEPARTMENT*

## PELUASAN PENILAIAN PRESTASI BERDASARKAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) KEPADA PPTPA TIER 2 (FASA 2)

Pada tahun 2018, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) telah mengeluarkan surat peluasan penilaian prestasi berdasarkan KPI kepada Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA) Tier 2 (Fasa 2) melalui surat bilangan (3) JPA.BK(S)226/7/69-2 bertarikh 30 Januari 2018. Surat tersebut menjelaskan penjajaran KPI yang dilaksanakan ke keseluruhan PPTPA Tier 2 yakni, Timbalan Ketua Setiausaha, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, Timbalan Ketua-ketua Perkhidmatan serta Ketua-ketua Jabatan/ Agensi di bawah Kementerian dan SUK Negeri.

Sehubungan dengan itu, dijangka peluasan KPI ini akan melibatkan peluasan kepada 400 orang PPTPA (Gambarajah 1). Mengikut perancangan, peluasan KPI akan diselesaikan pada tahun 2020 di mana KPI akan digunakan untuk penilaian prestasi PPTPA Tier 3 dan Tier-tier berikutnya.

## *EXPANDING KPI-BASED PERFORMANCE EVALUATION TO PPTA TIER 2 (PHASE 2)*

*In 2018, Director-General of Public Service (DGPS) has issued a directive to expand KPI-based performance evaluation to Public Service Top Management (PPTPA) Tier 2 via a letter number (3) JPA.BK(S)226/7/69-2 dated 30 January 2018. It explained that the KPI will expand to include the whole PPTA Tier 2, consisting of Deputy Secretary-General, Deputy Director, Deputy State Secretary, Deputy Director-Generals as wells as Heads of Departments/Agencies under Ministries and State Secretaries (SUK).*

*It is estimated that 400 PPTAs will be involved in this KPI expansion (Diagram 1). The project is expected to be completed by 2020 in which the KPIs will be used to evaluate PPTA Tier 3 and subsequent tiers.*




**Gambarajah 1**

## KURSUS PERUNDANGAN PERKHIDMATAN AWAM

Program ini bertujuan untuk memberi penerangan dan mengukuhkan kefahaman tentang peraturan dan perundangan awam yang sedang berkuatkuasa serta menyediakan platform untuk pegawai-pegawai mendapatkan maklum balas serta berkongsi idea dan pendapat berkenaan isu kenegaraan dan isu semasa yang berkaitan.

Program ini juga dapat meningkatkan lagi semangat jati diri, ketaatan dan kesetiaan pegawai yang tidak berbelah bahagi kepada kerajaan. Program telah dilaksanakan pada 2 Mei 2018 bertempat di Dewan Mezzanine, Jabatan Perkhidmatan Awam dan melibatkan pegawai-pegawai di Gred 48 dan ke atas. Seramai 58 orang pegawai JPA telah menghadiri program ini.







## *COURSE ON PUBLIC SERVICE LAW*

*On 2 May 2018, a course on Public Service Law was held at Dewan Mezzanine, Public Service Department (PSD) and attended by 58 JPA officers, grades 48 and above.*

*The purpose of his programme was to provide explanation and deepen the understanding about public rules and regulation. It also provided a platform for feedback as well as the sharing of ideas and opinios about national and other issues.*

# TINDAKAN SUSULAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM KE ATAS LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN)

# *JPA FOLLOW-UP ON NATIONAL AUDIT REPORT (LKAN)*

**Selepas pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) di Parlimen, Jabatan Audit Negara (JAN) akan mengemukakan senarai teguran punitif kepada JPA untuk tindakan susulan. Ketua Setiausaha Negara telah mengarahkan supaya ditubuhkan Jawatankuasa Siasatan Khas (JKS) untuk menjalankan siasatan ke atas teguran punitif di peringkat Kementerian/ Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD) untuk menjalankan siasatan ke atas teguran punitif di peringkat Badan Berkanun Persekutuan, Syarikat Kerajaan dan Agensi Kerajaan Persekutuan serta Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri. Penentuan JKS dan JKSD ini adalah berdasarkan punca kuasa, bidang kuasa dan peraturan yang berkuatkuasa.**

**Bagi LKAN Tahun 2017 Siri 1 yang telah dibentangkan di Parlimen pada 6 Ogos 2018, sebanyak lapan (8) JKS telah ditubuhkan untuk menjalankan siasatan ke atas 19 teguran punitif manakala 31 JKSD telah ditubuhkan untuk menjalankan siasatan ke atas 96 teguran punitif. Ringkasan maklumat bagi LKAN Tahun 2017 Siri 1 adalah seperti berikut:**

*Following the presentation of National Audit Report (LKAN) at the parliament, National Audit Department (JAN) will submit a list of punitive warnings to JPA for follow-up. The Chief Secretary to the Goverment instructed that a Special Investigation Committee (JKS) to be set up investigate on the punitive warnings at the Ministry/Federal Department level whereas Internal Investigation Committee (JKSD) will investigate the Federal Statutory Bodies, Goverment Companies and Federal Goverment Agencies as well as State Department/ Agencies and Management Companies. The forming of both committees are under the power, jurisdiction and regulation in effect.*

*For LKAN 2017 Series 1 that was presented at the parliament on 6 August 2018, eight (8) JKS were set up to investigate 19 punitive warnings while 31 KSD investigate 96 warnings. The summary is as follows:*

| BIL. | PENGURUSAN AKTIVITI | BIL. ISU PUNITIF | BIL. ISU PUNITIF |
|---|---|---|---|
| 1. | Kementerian/Jabatan Persekutuan | 19 | 8 JKS |
| 2. | Badan Berkanun Persekutuan | 9 | 5 JKSD |
| 3. | Syarikat Kerajaan dan Agensi Kerajaan Persekutuan | 7 | 2 JKSD |
| 4. | Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri | 80 | 24 JKSD |
| | **JUMLAH** | **115** | |

# PROGRAM PENILAIAN KEPIMPINAN

# *ASSESSMENT LEADERSHIP PROGRAMME*

**Program Penilaian Kepimpinan dilaksanakan bagi menilai aspek kompetensi dan potensi serta profil pegawai mengikut gred dan kompetensi kepimpinan yang ditetapkan. Penilaian secara berpusat ini akan menilai aspek keupayaan pemikiran, keupayaan, keupayaan berkomunikasi dan keupayaan tindakan setiap pegawai.**

*An assessment leadership programme is conducted to evaluate the profile, potential and competency of an officer according to their grade and leadership competency. This centralised assessment evaluates an officer's critical thinking communication skill and decision making.*

| PROGRAM | JUMLAH PESERTA | BILANGAN SIRI |
|---|---|---|
| Middle Managers Leadership Assessment Program **(M-LEAP)** | 137 | 4 |
| Executive Leadership Assessment Program **(E-LEAP)** | 163 | 4 |
| Junior Leadership Assessment Program **(J-LEAP)** | 245 | 7 |

## *TALENTX DAN EMERGING MANAGEMENT DEVELOPMENT PROGRAM (EMDP)*

TalentX dan EMDP merupakan program pembangunan pegawai berpotensi tinggi di Gred 41/44 dan Gred 48/52 yang menjurus kepada aspek kepimpinan dan kemahiran pengurusan. Pelaksanaan kedua-dua program ini selari dengna aspirasi transformasi pembangunan sumber manusia perkhidmatan awam seperti yang digariskan dalam Kerangka Kerja Transformasi Strategik Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) iaitu :

i. **Mendaya-upaya:** Meningkatkan kompetensi, prestasi, produktiviti dan daya inovasi penjawat awam yang membawa kepada Keberhasilan Strategik 1 iaitu penjawat awam yang bertenaga, berilmu, berwibawa, kompeten, inovatif dan produktif; dan

ii. **Keterangkuman:** Memperluas jaringan kerja dan kolaborasi strategik (Multiple-Helix) dalam dan luar negara yang membawa kepada Keberhasilan Strategik 4 iaitu keputusan bersama *(informed decision)* dan rasa sepunya berdasarkan kepelbagaian perspektif.

Program ini bertujuan membuka peluang memupuk jaringan kerjasama dan networking antara kumpualn yang sama dari pelbagai skim perkhidmatan di peringkat awal perkhidmatan. Program TalentX dan EMDP pada tahun 2018 telah dilaksanakan seperti berikut :

## *EMERGING MANAGEMENT DEVELOPMENT PROGRAM (EMDP) AND TALENTX*

*EMDP and TalentX are two development programmes for high potential officers in Grade 41/44 and Grade 48/52 focusing on their leadership and management skills. Both programmes are in line with the aspiration to transform public service human resource as highlighted in the Public Service Department (JPA) Strategic Transformation Framework that is:*

*i. **Strengthen:** To improve competency, performance, productivity and innovation of civil servants that leads to Strategic Result 1. i.e., civil servants who are energetic, knowledgeable, charismatic, competent, innovative and productive, and;*

*ii. **Comprehensive:** To expand networking and strategic collaboration (Multiple Helix) locally and globally that leads to Strategic Result 4, i.e. informed decision and common values based on various perspectives.*

*This programme provides an opportunity to build network and collaboration among the same groups from different service schemes in their early service. In 2018, EMDP and TalentX were carried out as follows;*

| *TALENT X* | | |
|---|---|---|
| **SIRI** | **TARIKH** | **JUMLAH PEGAWAI** |
| 1. | 5 – 7 Mac 2018 | 43 |
| 2. | 23 - 25 April 2018 | 45 |
| 3. | 6 - 10 Ogos 2018 | 52 |
| 4. | 24 - 26 September 2018 | 45 |
| | **JUMLAH** | **185** |

| *EMERGING MANAGEMENT DEVELOPMENT PROGRAM (EMDP)* | | |
|---|---|---|
| **SIRI** | **TARIKH** | **JUMLAH PEGAWAI** |
| 1. | 9 - 12 Julai 2018 | 33 |
| 2. | 30 Jul - 2 Ogos 2018 | 52 |
| 3. | 24 – 27 September 2018 | 38 |
| 4. | 22 - 25 Oktober 2018 | - |
| | **JUMLAH** | **123** |

## PENGAMBILAN PEGAWAI-PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA

Sejumlah **1,933** orang pegawai Perkhidmatan Gunasama telah dilantik pada tahun 2018, iaitu **402** orang pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan **1,531** pegawai Kumpulan Pelaksana seperti berikut:

## *INTAKE OF COMMON SERVICE OFFICERS*

*A total number of **1,933** Common Service Officers have been appointed in 2018, **402** of them are Professional and Management Group officers whereas **1,531** of them are from the Support Group. The break-downs are as follows:*

| BIL. | SKIM PERKHIDMATAN | GRED | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| 1. | Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) | M41 | **395** |
| 2. | Pegawai Latihan Vokasional (PLV) | DV41 | **0** |
| 3. | Pegawai Psikologi | S41 | **7** |
| 4. | Penolong Pegawai Latihan Vokasional (PPLV) | DV29 | **1** |
| 5. | Pembantu Penolong Pegawai Latihan Vokasional (Pem. PPLV) | DV19 | **0** |
| 6. | Penolong Pegawai Psikologi | S29 | **1** |
| 7. | Penolong Pegawai Tadbir (PPT) | N29 | **107** |
| 8. | Setiausaha Pejabat (SP) | N29 | **-** |
| 9. | Pembantu Setiausaha Pejabat (PSP) | N19 | **51** |
| 10. | Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) (PT(P/O)) | N19 | **1,082** |
| 11. | Pembantu Penolong Pegawai Latihan Vokasional (Pem. PPLV) | W19 | **284** |
| 12. | Pembantu Tadbir (Kewangan) (PT(Kew)) | N19 | **5** |
| | **JUMLAH** | | **1,933** |

## PELAKSANAAN PROGRAM-PROGRAM LATIHAN DAN PEMBANGUNAN

Jabatan Perkhidmatan Awam turut menganjurkan serta menyelaras program-program latihan serta pembangunan pegawai awam. Program-program ini dilaksanakan untuk meningkatkan kompetensi, prestasi, produktiviti dan daya inovasi penjawat awam. Sebanyak 38 kursus/ program telah dianjurkan yang melibatkan **2,184** orang pegawai perkhidmatan Gunasama seperti beriku:

## *IMPLEMENTATION OF TRAINING AND DEVELOPMENT PROGRAMME*

*Public Service Department also organised and coordinates training and development programmes for civil service officers. The objectives are to increase their competency, performance, productivity and innovation. 38 courses/programmes were organised involving **2,184** Common Service Officers. The details are as follows:*

| BIL. | NAMA/ JENIS KURSUS | BIL. KURSUS | BIL. PEGAWAI YANG HADIR |
|---|---|---|---|
| 1. | Program Transfomasi Minda (PTM) | 11 | **432** |
| 2. | Asas dan Pengenalan Kepada Perkhidmatan Awam | 8 | **728** |
| 3. | Generik dan Fungsional | 6 | **176** |
| 4. | Kecemerlangan Kepimpinan (PROKEP) | 3 | **137** |
| 5. | Pembangunan Kepimpinan (PROLEAD) | 2 | **88** |
| 6. | Seminar | 2 | **371** |
| 7. | Kursus ALEAP (Pegawai Gred 54) | 4 | **131** |
| 8. | Kursus ALMP (Pegawai Gred JUSA C) | 2 | **121** |
| | **JUMLAH** | 38 | **2184** |

## PENGURUSAN KENAIKAN PANGKAT DAN PENILAIAN PRESTASI

Urusan kenaikan pangkat adalah merupakan aspek penting Pengurusan Sumber Manusia yang bertujuan memberikan pengiktirafan kerjaya kepada pegawai yang bermotivasi dan cemerlang. Butiran berikut ialah urusan bagi pemangkuan dan kenaikan pangkat yang melibatkan Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai urus setia:

## *PERFORMANCE ASSESSMENT AND PROMOTION MANAGEMENT*

*Matters of promotion is important in Human Resource Management as it recognizes the career of excellent, motivated officers. The following data shows the details:*

| URUSAN | JUSA/ GRED KHAS | PEGAWAI | | KUMPULAN PELAKSANA | |
|---|---|---|---|---|---|
| | PEGAWAI | URUSAN | PEGAWAI | URUSAN | PEGAWAI |
| Kenaikan Pangkat | 352 | 40 | 633 | 21 | 714 |
| Pemangkuan | 279 | 31 | 367 | 13 | 1,406 |
| **JUMLAH** | **631** | **71** | **1,000** | **34** | **2,120** |

## PENGANUGERAHAN PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG (PPC)

Bagi penganugerahan PPC tahun 2018, Pengurusan Tertinggi JPA telah memutuskan supaya penganugerahan PPC dibatalkan sebagai menghormati dan selaras dengan keputusan Duli Yang Maha Mulia, Yang Di Pertuan Agong yang tidak berkenan untuk menganugerahkan apa-apa Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat sempena Hari Keputeraan Baginda.

## *EXCELLENCE SERVICE AWARD (PPC)*

*Public Service Department decided to cancel the Excellence Service Award (PPC) 2018 as a sign of respect to His Majesty Yang Di Pertuan Agong following His Majesty's decision to not present any honours and awards during His Majesty's Birthday.*

## TINDAKAN TATATERTIB TERHADAP PEGAWAI AWAM BAGI TAHUN 2018

Pada tahun 2018 (setakat suku tahun ke-3), seramai **3,060** orang pegawai awam telah dikenakan tindakan tatatertib.

## *DISCIPLINARY ACTION TAKEN AGAINST CIVIL SERVICE OFFICERS IN 2018*

*A total of 3,060 officers were given disciplinary action as of the third quarter of 2018.*

| HUKUMAN | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| AMARAN | DENDA | LUCUT HAK EMOLUMEN | TANGGUH PERGERAKAN GAJI | TURUN GAJI | TURUNG PANGKAT | BUANG KERJA | JUMLAH |
| 1,189 | 412 | 433 | 253 | 149 | 26 | 598 | **3.060** |

# PELAKSANAAN PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN AWAM

# *PUBLIC SERVICE EXAMINATION*

Sehingga bulan Oktober tahun 2018 sebanyak **29** urusan Peperiksaan Perkhidmatan Awam (PPA) telah dilaksanakan dengan jayanya. Ianya melibatkan **46,176 permohonan** untuk menduduki peperiksaan bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan, kenaikan pangkat, peningkatan secara lantikan (PSL) dan untuk mendapatkan faedah/insentif kewangan.

*As of October 2018, a total of **29** Public Service Examination (PPA) were hold successfully. **46,176** applicants applied for various purposes, such as validation of service, promotion, appointment through promotion (PSL) and interest/ financial incentives.*

| BIL. | JENIS PEPERIKSAAN | JUMLAH URUSAN | JUMLAH CALON | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | MOHON | HADIR | LULUS |
| 1. | Pengesahan Dalam Perkhidmatan & BM Khas | 22 | 22,766 | 15,182 | 6,604* |
| 2. | Kenaikan Pangkat (PLV) | 2 | 842 | 437 | 0 |
| 3. | Peningkatan Secara Lantikan (PSL) | 3 | 22,266 | 15,378 | 25* |
| 4. | Faedah Kewangan | 2 | 302 | 176 | 4 |
| **JUMLAH** | | | **46,176** | **31,173** | **31,173** |

# BAHAGIAN SARAAN
# *REMUNERATION DEPARTMENT*

## PERSIDANGAN MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) PERINGKAT PERSEKUTUAN DAN NEGERI TAHUN 2018

Persidangan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Peringkat Persekutuan dan Negeri Tahun 2018 telah diadakan dengan jayanya pada 15 Mac 2018 (Khamis) bertempat di Bilik Mesyuarat Jati, Aras 4, Blok C3, Kompleks C, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Putrajaya.

Persidangan yang menghimpunkan wakil-wakil dari Kementerian dan Pentadbiran Kerajaan Negeri ini merupakan program tahunan yang dianjurkan Bahagian Saraan, JPA bertujuan untuk membentangkan prestasi keaktifan dan penyelesaian isu bagi penganjuran Mesyuarat MBJ di agensi-agensi. Persidangan ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Bahagian Kanan, Bahagian Saraan, YBrs. Encik Lim Eng Hock.

Di dalam persidangan ini, wakil-wakil Kementerian dan Pentadbiran Kerajaan Negeri telah disarankan untuk sentiasa memberi perhatian kepada usaha-usaha menambah baik kebajikan para penjawat awam. Usaha-usaha ini dibuat setelah mengambil kira pandangan dan permintaan yang diutarakan golongan pekerja di samping kedudukan kewangan semasa Kerajaan.

Buat julung kalinya, Persidangan MBJ ini telah turut diselitkan dengan dua (2) program tambahan, iaitu perkongsian ilmu mengenai Amalan Terbaik Pengurusan MBJ yang telah disampaikan oleh wakil dari Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (MESTECC) serta perkongsian

## *MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) CONFERENCE FEDERAL AND STATE LEVEL 2018*

*Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Conference at Federal and State Level 2018 was held on Thursday, 15 March 2018 at Jati Meeting Room, Level 4, Block C3, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Putrajaya.*

*Representatives from Ministries and States Offices gathered this annual event organized by JPA. The purpose of the conference was to present the active performance and resolve issues in organizing MBJ meetings in government agencies. It was chaired by Senior Deputy Director, Pension Department, YBrs. Encik Lim Eng Hock.*

*In this conference, the participants were encouraged to pay more attention to the efforts of improving*



**Sesi bergambar ahli-ahli persidangan bersempena dengan Persidangan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Peringkat Persekutuan dan Negeri Tahun 2018.**

**ilmu mengenai Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2017 (SPP 2/2017) bertajuk kebenaran Gantian Cuti Rehat melebihi 150 hari digunakan sebagai cuti rehat pada tahun persaraan. Taklimat SPP 2/2017 ini telah disampaikan oleh wakil dari Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA. Kedua-dua perkongsian ilmu tersebut dilihat telah memberi nilai tambah kepada ahli-ahli mesyuarat yang hadir.**

*the welfare of civil servants. All efforts were carried out following the opinions and requests by the civil servants and also after taking into account current government's finance.*

*For the first time ever, the conference also hosted two (2) additional programmes, that is Best Practices in Managing MBJ that was presented by a representative from MESTECC, and knowledge sharing on the permission to use more than 150 days of annual replacement leave for annual leave in pension year. The talk was presented by a representative from Post Service Department, JPA. Both talks added value and knowledge to the attendees.*



**Sesi persidangan telah dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Bahagian Kanan, Bahagian Saraan, YBrs. Encik Lim Eng Hock.**

## PENGANJURAN MESYUARAT MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN (MBK) TAHUN 2018

**Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Tahun 2018 yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) dan Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan) [(TKPPA(P)] telah diadakan pada bulan November 2018 di Jabatan Perkhidmatan Awam seperti berikut:**

| SIRI | MESYUARAT | PENGERUSI | TARIKH |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-pekerja Pengurusan dan Profesional (MBK P&P) Tahun 2018. | KPPA | 2 November 2018 |
| 2. | Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-pekerja Sains dan Teknologi Dalam Kumpulan Pelaksana (MBK S&T) Tahun 2018. | KPPA | 15 November 2018 |
| 3. | Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-pekerja Am Dalam Kumpulan Pelaksana (MBK Am) Tahun 2018. | TKPPA(P) | 30 November 2018 |

## MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN (MBK) MEETING 2018

*Majlis Bersama Kebangsaan Meeting 2018 was organized on November 2018 and chaired by the Director-General of Public Service (KPPA) and Deputy Director-General (Development) [(TKPPA(P)] at Public Service Department.*




**Naib Pengerusi, YBhg. Datuk Azih bin Muda menyampaikan perutusan sempena Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-pekerja Am Dalam Kumpulan Pelaksana (MBK Am) Tahun 2018.**



**YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam menyampaikan perutusan bagi Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-pekerja Pengurusan dan Profesional (MBK P&P) Tahun 2018.**

Mesyuarat ini telah membincangkan pelbagai isu berbangkit, pembentangan cadangan baharu dan perkongsian pandangan yang melibatkan pelbagai kementerian dan agensi.

*Mesyuarat ini telah membincangkan pelbagai isu berbangkit, pembentangan cadangan baharu dan perkongsian pandangan yang melibatkan pelbagai kementerian dan agensi.*




**Sesi bergambar bersama dengan ahli-ahli Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-pekerja Sains dan Teknologi Dalam Kumpulan Pelaksana (MBK S&T) Tahun 2018.**

# BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

# *HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT DIVISION*

## LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

### MAJLIS TAKLIMAT CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH DENGAN BIASISWA KEPADA KUMPULAN PELAKSANA (CBBPDBKP) SESI 2018




Majlis taklimat kepada penerima CBBPDBKP telah diadakan pada 27 Februari 2018 bertempat di Dewan D2, MAEPS Serdang dan dirasmikan oleh YBrs. Dr. Zurina binti Abdul Hamid, Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Modal Insan, JPA.

Majlis taklimat kepada penerima dan Ketua Jabatan ini diadakan bertujuan untuk menyampaikan penerangan lanjut berhubung penajaan serta tanggungjawab sebelum, semasa dan selepas mengikuti pengajian. Taklimat disampaikan oleh wakil daripada Bahagian Pembangunan Modal Insan dan Bahagian Perkhidmatan, JPA. Majlis ini turut menjemput wakil daripada Jabatan Pengajian Tinggi dan Jabatan Pembangunan Kemahiran untuk menyampaikan taklimat berhubung prosedur serta kelayakan permohonan di Institut Pengajian Tinggi Awam/ Pusat Bertauliah.

Majlis ini juga melibatkan penyertaan beberapa IPTA/PBA yang membuka *booth* pameran bagi mempromosikan program-program yang ditawarkan serta memberi peluang kepada penerima untuk mendapatkan maklumat secara langsung daripada pihak IPTA/PBA.

Pada tahun ini, seramai 543 orang



pegawai yang berjaya ditawarkan CBBPDBKP. Ianya meliputi 29 orang penerima pengajian peringkat Sijil TVET, 112 orang penerima pengajian peringkat Diploma TVET, 133 penerima pengajian peringkat Diploma dan 269 penerima pengajian peringkat Ijazah Pertama. Semasa majlis ini juga, turut diadakan sesi perkongsian ilmu bersama Encik Mohd Khairul Nizam bin Jamalus mantan penerima Hadiah Latihan Persekutuan Sesi 2015 berkongsi pengetahuan, pengalaman dan cabaran semasa dan sehingga menamatkan pengajian dengan jaya.



## *IN-SERVICE TRAINING*

### *FULL PAID STUDY LEAVE WITH SCHOLARSHIP BRIEFING CEREMONY TO KUMPULAN PELAKSANA (CBBPDBKP) 2018 SESSION*



*The briefing ceremony to recipients of CBBPDBKP was held on 27 February 2018 at Dewan D2, MAEPS Serdang and was officiated by YBrs. Dr. Zurina binti Abdul Hamid, Deputy Senior Director of Human Capital Development Division, JPA. The briefing ceremony to recipients and Heads of Departments was held for the purpose of delivering further explanations relating to sponsorship as well as the responsibility before, during and after studies. The briefing was delivered by representatives from the Human Capital Development Division and Service Department, JPA. The ceremony had also invited representative from Department of Higher Education and Department of Development of Skills to deliver briefing regarding procedure and application eligibility in Public Higher Education Institute/ Accredited Centres.*



*The ceremony had also included participation from several IPTA/PBA in opening exhibition booths to promote programs that were offered and to provide opportunity for recipients to receive information directly from the IPTA/PBA.*

*This year, 543 officers were successful offered CBBPDBKP. These included 29 recipients of TVET Ceritifcate, 112 recipients of TVET Diploma, 133 recipients of Diplomas and 269 recipients of First Degrees.*

*During the ceremony, there was also a sharing knowledge session with Encik Mohd Kharul Nizam bin Jamalus formerly the recipients of Federal Training Prizes 2015 Session sharing knowledge, experience and challenges during and up to successful graduation.*







## RESEARCH COLLOQUIUM 2018

Bahagian Pembangunan Modal Insan, JPA dengan kerjasama Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) telah menganjurkan Research Colloquium 2018 pada 20 September 2018 bertempat di INTAN Bukit Kiara, Kuala Lumpur. Majlis yang bertemakan Acculturation of Research in the Public Sector telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Majlis diadakan bagi tujuan memberi peluang pembentangan penyelidikan oleh penerima tajaan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) yang telah menamatkan pengajian Ijazah Kedoktoran (Ph.D) dan Sarjana. Seramai 38 orang peggawai telah membuat pembentangan meliputi bidang:

i. Antarabangsa dan Keselamatan;
ii. Ekonomi dan Kewangan;
iii. Sosiologi dan Kemanusiaan;
iv. Pengajian Islam;
v. Sumber Manusia dan Pentadbiran tanah;
vi. Pentadbiran Am, Dasar Pengurusan dan Teknologi; dan
vii. Public Private Partnership Pengurusan Perolehan.




## *RESEARCH COLLOQUIUM 2018*

*The Human Capital Development Division, JPA in collaboration with National Institute of Public Administration (INTAN) had organised a Research Colloquium 2018 on 20 September 2018 at INTAN Bukit Kiara, Kuala Lumpur. The Acculturation of Research in the Public Sector themed ceremony was officiated by YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah, Director General of Public Service. The ceremony was held for the purpose of providing opportunities for recipients of Federal Training Prizes (HLP) that have completed their Doctoral Degree (Ph.D) and Masters to present their research. 38 officers have made presentations encompassing the fields of:*

*i. International and Security;*
*ii. Economic and Finance;*
*iii. Sociology and Humanities;*
*iv. Islamic Studies;*
*v. Human Resource and Land Administration*
*vi. General Administration, Management and Technology Policy; and*
*vii. Public Private Partnership Procurement Management*

# PENAWARAN KEMUDAHAN BIASISWA YANG DI-PERTUAN AGONG (BYDPA)

Program Biasiswa Yang di-Pertuan Agong (BYDPA) telah mula diperkenalkan pada tahun 2006. Biasiswa ini diperkenalkan bagi mengiktiraf kebolehan luar biasa seseorang calon, di samping memberi peluang untuk mereka melanjutkan pengajian di peringkat pasca ijazah (Sarjana dan Ph.D) di dalam dan di luar negara.

Sebanyak 12 sesi penawaran telah dilaksanakan dengan menaja seramai 141 orang pelajar iaitu 71 orang pelajar di peringkat Ph.D dan 70 orang pelajar di peringkat Sarjana. Bidang pengajian pula meliputi empat (4) bidang utama iaitu Sains & Teknologi, Ekonomi, Undang-undang dan Kewangan Islam.

Bagi sesi pengajian 2018/2019, seramai 12 orang calon telah ditawarkan biasiswa ini iaitu enam (6) orang bagi peringkat Ph.D dan (6) orang bagi peringkat Sarjana. Majlis penyampaian biasiswa ini telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV, Sultan Muhammad V pada 11 Julai 2018.






## *OFFERING OF KING'S SCHOLARSHIP FACILITY (BYDPA)*

*The King's Scholarship Programme (BYDPA) was first introduced in 2006. The scholarship is introduced to acknowledge the extraordinary abilities of a candidate, as well as to provide opportunites for them to pursue post graduate studies (Master and Ph.D) within and outside Malaysia.*

*12 offering sessions were implemented with the sponsorship of 141 students which included 71 students at Ph.D level and 70 students at the Master level. The field of studies covers four (4) main fields namely Science & Technology, Economy, Law and Islamic Finance.*

*For 2018/2019 academic sessions, 12 candidates were offered this scholarship, there were, six (6) students for Ph.D and six (6) students for Master. The scholarship-award ceremony was officiated by Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV, Sultan Muhammad V on 11 July 2018.*



# LATIHAN SEBELUM PERKHIDMATAN

## PELAKSANAAN PROGRAM TAKLIMAT KEPADA PELAJAR TAJAAN PROGRAM 9A+ TAHUN 2018

Program Penajaan 9A+ adalah merupakan penajaan kepada pelajar cemerlang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang mendapat keputusan sekurang-kurangnya 9A+ dalam mana-mana mata pelajaran untuk melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti di dalam negara. Calon-calon yang ditawarkan penajaan secara Pinjaman Boleh Ubah (PBU) untuk mengikuti pengajian peringkat persediaan sehingga ke peringkat Ijazah Pertama tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dan pengiktirafan bidang.

Seramai 782 pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2017 telah



dikenal pasti layak untuk ditaja di bawah program ini dan calon-calon ini terdiri dari pelajar-pelajar cemerlang lepasan SPM yang terdiri dari pelbagai lapisan kaum dan etnik dari seluruh negeri di Malaysia

Program taklimat tersebut telah diadakan pada 19 Mei 2018 bertempat di Dewan Utama Kementerian Kewangan Malaysia dan turut dihadiri oleh Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan, barisan timbalan-timbalan pengarah bahagian serta wakil pegawai-pegawai BMI. Program tersebut telah berjaya mencapai objektif utama iaitu untuk memberi penjelasan kepada pelajar-pelajar serta ibu bapa berhubung dasar penajaan JPA, mekanisme penawaran dan perkara-perkara berkaitan ikatan perjanjian di antara pihak pelajar dan pihak Kerajaan. Melalui sesi ini juga, pelajar-pelajar telah diberi peluang untuk berinteraksi secara terus dengan pegawai-pegawai JPA bagi mendapatkan penjelasan yang lebih terperinci kepada persoalan-persoalan berkaitan penajaan JPA di bawah Program Penajaan 9A+.

# PRE-SERVICE TRAINING

## THE IMPLEMENTATION OF BRIEFING PROGRAMME TO 9A+ SPONSORED STUDENTS FOR THE YEAR 2018

*The 9A+ Sponsorship Programme is the sponsorship of excellent students of Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) that have obtained at least 9A+ in any subjects to pursue studies in local universities. Candidates that are offered sponsorship via Variable Loan (PBU) to pursue studies at pre-university level up to their First Degree are subjected to conditions imposed and field recognition.*

*782 of Sijil Pelajaran Malaysia of the year 2017 graduates were recognised as eligible for sponsorship under this program and these candidates were among the excellent SPM graduates from various races and ethnicities from all over Malaysia.*

*The briefing program was held on 19 May 2018 at Dewan Utama Kementerian Kewangan Malaysia and was attended by the Director of Human Capital Development Division, line of deputies directors for divisions as well as representatives of BMI officers.The program was successful in achieving the main objective of providing explanation to students as well as parents regarding the basis of JPA sponsorship, the offering mechanism and other matters relating to agreements between students and the Government. Through the programme, students were also given the opportunity to interact directly with the JPA officers to gain a more detailed clarification for concerns relating to JPA sponsorship under the 9A+ Sponsorship Programme.*



# PROGRAM PENDAFTARAN DAN TAKLIMAT PELAJAR-PELAJAR BARU (PERSEDIAAN LUAR NEGARA)



Program pendaftaran pelajar ini dijalankan di kolej-kolej persediaan yang terpilih di seluruh negara. Pelajar-pelajar di bawah program penajaan ke luar negara perlu mengikuti kursus persediaan di kolej-kolej tersebut untuk tempoh yang telah ditetapkan sebelum mereka meneruskan peringkat pengajian yang lebih tinggi di luar negara.

Program ini juga dijadikan platform kepada JPA untuk menyalurkan maklumat-maklumat secara terperinci seperti struktur program penajaan dan pengajian, elaun dan kemudahan serta peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh pelajar-pelajar tajaan JPA. Taklimat ini telah dihadiri oleh ibu bapa bagi memastikan mereka juga memantau anak-anak mereka terutamanya mengenai hal-hal wajib dipatuhi oleh pelajar.

Bagi tahun 2018, lima (5) program pendaftaran telah dijalankan. Senarai program adalah seperti berikut:

## *REGISTRATION PROGRAMME AND BRIEFING FOR NEW STUDENTS (OVERSEAS PREPARATION)*

*The registration programme was conducted in selected preparatory colleges nationwide. Students under the overseas sponsorship program are required to attend the preparatory courses at the selected colleges for a predetermined period before they continue to pursue their higher education overseas.*

*Additionally, the program also serves as a platform for JPA to disseminate detailed information such as the structureship of the sponsorship and study program, allowances, facilities, as well as regulations for compliance by JPA sponsored students. The briefing was attended by parents to ensure that they shall also monitor their children especially in relation to compulsories compliance by students.*

*For the year 2018, five (5) registration programmes were held. The list of the programs are as follows:*

| BIL. | TARIKH | TEMPAT | KUMPULAN SASARAN | JUMLAH (ORANG) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | 21 Mei 2018 (Isnin) | Ambang Asuhan Jepun (AAJ), Universiti Malaya | Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-pekerja Pengurusan dan Profesional (MBK P&P) Tahun 2018. | AAJ: 51<br>PBT: 37 |
| 2. | 22 Mei 2018 (Selasa) | INTEC Education College, Shah Alam | Pelajar-pelajar Program Khas Jepun, Korea Perancis dan Jerman (JKPJ) bagi Kolej INTEC dan Malaysia France Institute (MFI) | INTEC (Jepun):40<br>INTEC (Korea): 26<br>INTEC (Perancis):20<br>INTEC (Jerman):22<br>MFI:17 |
| 3. | 23 Mei 2018 (Rabu) | Malaysia-Japan International Institute of Technology (MJIIT) | Pelajar-pelajar Program JPA MARA (Jepun) 2018 yang akan mengikuti kursus persediaan Malaysia-Japan Higher Education Program (MJHEP) | 27 |
| 4. | 26 Jun 2018 (Selasa) | Kolej Yayasan Saad Business School (KYSBS) | Pelajar-pelajar Program JPA MARA 2018 yang akan ke New Zealand | 102 |
| 5. | 31 Julai 2018 (Selasa) | Kolej Yayasan UEM (KYUEM) | Pelajar-pelajar Program Penajaan Nasional 2018 | 13 |


Luar Negara





# BENGKEL KAJIAN IMPAK KEBERKESANAN PROGRAM *TALENT ACCELERATION IN THE PUBLIC SERVICE (TAPS)*







Bengkel kajian impak program Talent Acceleration in the Public Service (TAPS) telah diadakan di Avillion Legacy Hotel, Melaka pada 4 - 6 April 2018 (Rabu - Jumaat) dan telah disertai oleh 43 orang peserta yang terdiri daripada ahli JK Kerja TAPS termasuk Timbalan Pengarah Bahagian Kanan (TPBK(I)), BMI. Selain itu, seramai 14 orang penyelia/ mentor bagi peserta program TAPS Kohort 5 turut hadir semasa sesi mesyuarat dan bengkel tersebut. 14 orang wakil Bahagian Sumber Manusia daripada 8 Kementerian/ Jabatan/Agensi yang berkaitan (yang telah dikenal pasti oleh BK) juga turut hadir dalam membantu bagi mendapatkan input sewajarnya berkaitan skim dan jawatan strategik yang bekeperluan bagi pengisian penempatan TAPS Kohort 6. Objektif utama bengkel ini diadakan adalah seperti berikut:

a) Membincang dan memperhalusi objektif dan hala tuju terkini Program TAPS Kohort 6;
b) Menganalisa hasil dapatan kaji selidik keberkesanan Program TAPS Kohort 3 hingga 5 yang dilaksanakan menerusi borang kaji selidik;
c) Memperhalusi kaedah pemilihan dan pelantikan peserta TAPS Kohort 6; dan
d) Menganalisa mengenai skim jawatan strategik dan kesesuaian Kementerian/ Agensi yang memerlukan pelapis bagi pengisian peserta TAPS Kohort 6, menerusi mesyuarat dan perbincangan yang telah dianjurkan oleh BPO.

Bengkel ini telah berjaya menggariskan cadangan-cadangan yang merangkumi halatuju dan objektif terkini Program TAPS, kaedah pemilihan calon, kaedah pelantikan dan cadangan pengisian jawatan strategik dan kesesuaian Kementerian/Agensi penempatan.





## EFFECTIVENESS IMPACT RESEARCH WORKSHOP TALENT ACCELERATION IN THE PUBLIC SERVICE (TAPS) PROGRAMME






*The Talent Acceleration in the Public Service (TAPS) program impact research workshop was held at Avillion Legacy Hotel, Melaka on 4-6 April 2018 (Wednesday – Friday) and was entered by 43 participants from members of JK Kerja Taps including the Deputy Senior Director (TPBK(I)), BMI. Apart from that, 14 supervisors/mentors for TAPS Cohort 5 program participants were also present as the meeting and workshop were in session. 14 representatives from Human Resource Division from 8 relevant Ministries/Departments/Agencies (identified by BK) were duly present to aid in obtaining appropriate 'input' pertaining to scheme and strategic position required to fulfil the placement of TAPS Cohort 6. The main objectives of the workshop are as follows:*

- *a) To discuss and refine the objectives and directions of TAPS Cohort 6 Program;*
- *b) To analyse the same things from the TAPS Cohort 3 - 5 program effectiveness surveys that were conducted via survey forms.*
- *c) To refine the selection and appointment method of TAPS Cohort 6 participants; and*
- *d) To analyse of strategic positions scheme and the suitability of Ministries/Agencies requiring the next generation of TAPS Cohort 6 participants, through meetings and discussions organized by BPO.*

*The workshop had succeeded in outlining suggestions that encompasses the directions and current objectives of TAPS Program, the candidate selection method, appointment method as well as ideas on filling strategic positions and the suitability of Ministries/Agencies' placement.*







## PROGRAM RE-ORIENTASI GRADUAN PERUBATAN, PERGIGIAN DAN FARMASI TAJAAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)

Program Re-Orientasi Graduan Perubatan, Pergigian dan Farmasi Tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) 2018 anjuran Bahagian Pembangunan Modal Insan telah diadakan di Dewan Utama, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) pada 22 September 2018 (Sabtu) dan telah disertai oleh 553 orang graduan tajaan JPA.
Program Taklimat Re-Orientasi beserta engagement ini telah diadakan secara bersama dengan penglibatan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Majlis Perubatan Malaysia (MMC), Majlis Pergigian Malaysia (MDC) dan Lembaga Farmasi Malaysia (LFM) bagi menjelaskan dasar-dasar dan isu-isu semasa serta prosedur terkini pengambilan pegawai perubatan, pergigian dan farmasi kepada graduan tajaan JPA selain makluman bidang kuasa berhubung setiap Kementerian dan Agensi terlibat.
Objektif utama sesi taklimat ini diadakan adalah seperti berikut:

a) Memberi penjelasan mengenai dasar-dasar semasa dan prosedur terkini pengambilan pegawai perubatan, pergigian dan farmasi ke dalam Perkhidmatan Awam;

b) Memberi penjelasan mengenai prosedur pendaftaran graduan dengan majlis profesional berkaitan, prosedur lapor diri kepada JPA dan permohonan jawatan di Portal SPA8i bagi mengelakkan kelewatan memenuhi proses-proses terbabit yang akan memberi impak kepada tarikh pelantikan; dan

c) Menjadikan program ini sebagai platform bagi tujuan temuseru graduan dan



juga pihak-pihak yang berkepentingan bagi menjelaskan isu-isu yang berbangkit.

Program tersebut telah berjaya mencapai objektif berhubung penjelasan isu-isu dasar dan isu-isu semasa JPA, SPA dan KKM bersama pihak badan professional serta medium terbaik untuk mengukuhkan lagi kerjasama antara pihak JPA serta Kementerian dan Agensi terlibat.

## *RE-ORIENTATION OF MEDICAL, DENTISTRY & PHARMACEUTICAL GRADUATES PROGRAMME SPONSORED BY JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)*

*The Re-Orientation of Medical, Dentistry & Pharmaceutical Graduates Programme Sponsored by Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) 2018 organized by Human Capital Development Division was held at Dewan Utama, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) on 22 September 2018 (Saturday) attended by 553 JPA sponsored graduates. The Re-Orientation Briefing coupled with engagement was held together with the involvement of Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Majlis Perubatan Malaysia (MMC), Majlis Pergigian Malaysia (MDC) dan Lembaga Farmasi Malaysia (LFM) to explain the policies and current issues as well as the latest procedure for the appointment of medical, dentistry and pharmaceutical officers to JPA sponsored graduates, and includes the information on scope of authority for each Ministrys and Agencys involved.*
*The main objectives for holding the briefing session are as follows:*

*a) To provide explanations regarding current policies and procedure for the appointment of medical, dentistry and pharmaceutical officers to Public Service;*

*b) To provide explanations regarding graduates' registration procedure with the relevant professional bodies, self-reporting procedure to JPA and application for positions in SPA8i Portal to prevent delays in compliance of relevant process that would result in an impact to the date of appointment; and*

*c) To utilise the program as a platform for the purpose of meet-and-greet for graduates and stakeholders to explain any arising issues.*

*The said program had succeeded in achieving the objectives in relation to the explanation of policies and currents issues of JPA, SPA and KKM together with professional bodies as well as serving as the best medium to further strengthen the cooperation between JPA, the Ministries and Agencies involved.*





# SESI LIBAT URUS DENGAN PIHAK LUAR

## PERSIDANGAN PENGURUS PROGRAM TAJAAN JPA DENGAN WAKIL UNIVERSITI AWAM DAN SWASTA SELURUH MALAYSIA TAHUN 2018

Persidangan Pengurus Program Tajaan JPA Dengan Wakil Universiti Awam dan Swasta Seluruh Malaysia Tahun 2018 anjuran Bahagian Pembangunan Modal Insan telah diadakan di Dewan Serbaguna, Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya pada 16 Ogos 2018. Pelaksanaan program ini adalah berdasarkan kejayaan penganjuran program pada tahun 2017. Persidangan ini dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Bahagian Kanan, Bahagian Pembangunan Modal Insan, YBrs. Dr. Zurina Binti Abdul Hamid dan turut dihadiri oleh wakil daripada Kementerian Kewangan, Universiti Awam dan Swasta terdiri daripada pihak Hal Ehwal Pelajar, Hal Ehwal Akademik dan Pejabat Bendahari melibatkan seramai 150 orang. Objektif persidangan adalah seperti berikut :

a) Mengukuhkan kerjasama antara penaja (JPA) dengan universiti awam, universiti swasta dan institusi tajaan seluruh negara yang terlibat;
b) memperkasa pengurusan penawaran, pemantauan dan bayaran berkaitan pelajar-pelajar tajaan JPA;
c) membincangkan serta mencapai kata sepakat terhadap kaedah-kaedah terbaik dalam pengurusan penajaan antara penaja (JPA) dengan institusi pendidikan; dan
d) mewujudkan keseragaman melalui prosedur operasi standard yang dapat melancarkan tugas-tugas pengurusan penajaan JPA di seluruh negara.

Persidangan tersebut telah berjaya mencapai beberapa resolusi berhubung isu-isu tadbir urus penajaan JPA bersama pihak Universiti dan medium terbaik untuk mengukuhkan lagi kerjasama antara dua pihak (JPA dan Universiti) bagi melicinkan dan menambahbaik proses kerja sedia ada.




# *ENGAGEMENT SESSIONS WITH EXTERNAL PARTIES*

## *MANAGER OF JPA SPONSORED PROGRAM WITH REPRESENTATIVE OF PUBLIC AND PRIVATE UNIVERSITIES OF MALAYSIA CONFERENCE 2018*

*The Manager of JPA Sponsored Program with Representatives of Public and Private Universities of Malaysia Conference 2018 organised by Human Capital Development Division was held at Dewan Serbaguna, Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya on 16 August 2018. The implementation of the programe was based on the successful organisation of the program for the year 2017. The objectives of the conference are as follows:*

*a) To stengthen the cooperation between sponsor (JPA) with public universities, private universities and sponsored institutions in all countries involved;*
*b) To empower the management of offering, monitoring and payment relating to JPA sponsored students;*
*c) To discussing and achieve consensus towards the best method in the management of sponsorship between sponsor (JPA) and academic institution; and*
*d) To establish uniformity through standard operating procedure that ensures the smoothness of management tasks for JPA sponsorship nationwide.*

*The conference was successful in achieving resolutions concerning governance issues of JPA sponsorship with Universities and serves as the best medium to further stengthen cooperation between both parties (JPA and Universities) for smooth existing work process.*

## STATUS PROGRAM PELAKSANAAN
Deskripsi Tugas Sektor Awam

## *STATUS PROGRAM PELAKSANAAN*
*Deskripsi Tugas Sektor Awam*

| 01 | 02 | 03 | 04 | 05 | 06 |
|---|---|---|---|---|---|
| **PKPA** | **TIER 1** | **JPA** | **MAMPU** | **HRMIS** | **LATIHAN** |
| > BPP MAMPU | > BPO JPA | > BKP JPA | > BKP MAMPU | > BPMS JPA | > INTAN JPA |
| PKPA Bil.4/2018 telah dikeluarkan oleh MAMPU dan berkuat kuasa mulai 12 Julai 2018 | 100% | 100% | 100% | 100% | EPSA |
| TINDAKAN SETERUSNYA | TINDAKAN SETERUSNYA | TINDAKAN SETERUSNYA | TINDAKAN SETERUSNYA | TINDAKAN SETERUSNYA | TINDAKAN SETERUSNYA |
| Sesi Familiarisasi dan Hand-holding bersama Agensi dilaksanakan secara berperingkat | Semakan semula JD Tier 1 berikutan penyusunan semula senarai agensi Kementerian bagi Parlimen ke-14 | Dalam peringkat penyediaan myPortfolio | Dalam peringkat penyediaan myPortfolio | Kesediaan pelaksanaan Modul JD HRMIS 2.0 kepada agensi yang selesai pelaksanaan waran zero-based | E-Book JD telah dibangunkan melalui E-Pembelajaran Sektor Awam |

## PKPA myPortFolio

- PEKELILING KEMAJUAN PENTADBIRAN AWAM
- BILANGAN 4 TAHUN 2018
- myPortfolio: PANDUAN KERJA SEKTOR AWAM

## 10 KOMPONEN myPortFolio

1. Carta Organisasi
2. Carta Fungsi
3. Aktiviti-aktiviti Fungsi
4. Deskripsi Tugas
5. Proses Kerja
6. Carta Alir
7. Senarai Semak
8. Senarai Undang-undang
9. Senarai Borang
10. Senarai Jawatankuasa

**12 JULAI 2018**

## LATIHAN




***HANDS-ON***



PEMBANGUNAN BAHAN KURSUS

**E-BOOK JD**
MELALUI

**EPSA**
E-PEMBELAJARAN SEKTOR AWAM



***AWAR***

**25**
KEMENTERIAN

## RINTIS




## AKAUNTABILITI GENERIK










## MODUL JD HRMIS 2.0

ENESS



**13**

SUK NEGARA

## KESEDIAAN PELAKSANAAN MODUL JD HRMIS 2.0

# BAHAGIAN PASCA PERKHIDMATAN
# *POST SERVICE DIVISION*

## PROGRAM #MenyantuniPesara

Bersempena program #MenyantuniPesara di negeri Sabah pada 14 September 2018, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah telah menziarahi dua (2) orang pesara yang kini berada dalam keadaan uzur bagi melihat sendiri keadaan dan keperluan yang boleh meringankan komitmen keluarga dalam menjalani kehidupan seharian.

***"Kehidupan, kebajikan dan kesihatan mereka tetap diberikan perhatian walaupun telah bersara daripada perkhidmatan awam"***
***- YBhg. Datuk Seri KPPA -***



## *#AssistingPensioner PROGRAM*

*In conjunction with #AssistingPensioner Programme in Sabah on 14 September 2018, Director-General of Public Service Department (KPPA) YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah visited two (2) pensioners that are currently in sickness to see for himself the conditions and needs that would lighten the family's commitment or burden in undergoing their everyday life.*

*"Their life, welfare and health shall always be our concerns even when they have retired from the public service"*
*-YBhg. Datuk Seri KPPA-*

*The JPA delegations together with Sabah Head of Fire and Rescue Department, representatives from Retirement Fund (Incorporated) (KWAP), Encik Md Saffi Nadzi and Representative of Sabah Social Welfare Department visited the first pensioner Encik Sazrin bin Safuan, 28 years old. He was a former fire-fighter whom opted for retirement due to health reasons after he was paralysed in a road accident few years ago. Early retirement due to health reasons entitled him to receive Ex Gratia payment and a compensation*



Delegasi JPA bersama-sama Ketua Pengarah Bomba negeri Sabah, wakil Kumpulan Wang Pesaraan (KWAP), Encik Md Saffi Nadzi dan Wakil Khidmat Kebajikan Am Sabah telah menziarahi pesara yang pertama iaitu Encik Sazrin bin Safuan yang berusia 28 tahun. Beliau merupakan bekas anggota bomba memilih untuk bersara atas sebab kesihatan apabila lumpuh seluruh badan selepas mengalami kemalangan jalan raya beberapa tahun yang lalu. Bersara pada usia muda atas sebab kesihatan melayakkan beliau untuk menerima sumbangan Ex Gratia dan pampasan sebanyak RM40,000.00 daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat.



Manakala pesara kedua yang dilawati bagi program #MenyantuniPesara ialah Encik Abdul Rahmed bin Rajem. Beliau merupakan bekas guru telah mengambil keputusan bersara atas sebab kesihatan selepas berkhidmat lebih 29 tahun di negeri Sabah. Beliau menghidap penyakit Cerebral Aneurysm Rupture yang membuatkan beliau melepaskan jawatan terakhir di Jabatan Pendidikan Negeri Sabah pada pertengahan Ogos 2018 yang lalu.



YBhg. Datuk Seri KPPA telah berbesar hati menghulurkan sedikit sumbangan berupa kerusi roda kepada kedua-dua pesara tersebut. Pihak JPA ingin mendoakan agar pesara-pesara tersebut dapat menjalani kehidupan yang selesa dan baik dengan ganjaran pencen yang diterima daripada Kerajaan.



*amount of RM40,000 from the Fire and Rescue Department.*

*Whereas the second pensioner visited for #AssistingPensioner Program was Encik Abdul Rahmed bin Rajem. He was a former teacher who had decided to retire for health reasons after being in service for more than 29 years in Sabah. He suffered from Cerebral Aneurysm Rupture disease which was the cause of resignation for his last position in the Department of Education mid-August 2018 last year.*

*YBhg. Datuk Seri KPPA was honoured to lend a helping hand in the form of a wheelchair to both pensioners. JPA wishes and hopes both pensioners would be able to live a good and comfortable life with the pension rewards received from the Government.*



# PROGRAM RAMAH MESRA DAN PERJUMPAAN KPPA BERSAMA PERSATUAN PESARA KERAJAAN NEGERI KEDAH

Melalui program ramah mesra dan perjumpaan KPPA bersama Persatuan Pesara Kerajaan negeri Kedah di bawah program #MenyantuniPesara pada 25 sehingga 26 November 2018, YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah telah menyarankan agar persatuan pesara memainkan peranan aktif dalam menjaga hubungan baik Kerajaan dengan pesara-pesara Kerajaan. Beliau berkata Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sentiasa memberi bantuan dan sokongan kepada persatuan-persatuan ini bagi menjaga hal ehwal kebajikan golongan pesara yang selama ini banyak berjasa kepada negara.

Pada masa ini, JPA bersama persatuan-persatuan pesara kerap mengadakan program turun padang untuk berkongsi dasar-dasar serta isu-isu semasa berkaitan hal ehwal persaraan yang sedang dilaksanakan dan ditambahbaik oleh pihak Kerajaan demi kesejahteraan golongan pesara Kerajaan.

Program perjumpaan seperti ini juga dapat meraikan dan mengiktiraf para pesara Kerajaan yang telah menunjukkan teladan, aktif dan menjadi inspirasi di kalangan para pesara Kerajaan yang lain. Selain itu, beliau turut bersama-sama dalam program #MenyantuniPesara






## *KPPA MEET AND GREET RECEPTION PROGRAM WITH KEDAH GOVERNMENT PENSIONER'S ASSOCIATION RETIREES*

**menziarahi pesara uzur serta pesara yang mengusahakan perniagaan motel dan homestay di Langkawi.**

**Pada sesi program tersebut, beliau telah menyampaikan sumbangan bantuan peralatan perubatan seperti kerusi roda kepada beberapa pesara yang uzur. Program ini turut melibatkan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP], Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Persatuan Pesara Kerajaan Negeri Kedah (PPKM), Pejabat Daerah Langkawi, Pejabat Pengurusan Zakat Daerah Langkawi dan juga Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Langkawi.**

**Pada masa sama juga, beliau turut mengingatkan agar penjawat awam dan pesara-pesara kerajaan agar dapat menjaga nama baik perkhidmatan awam dari semasa ke semasa supaya sentiasa disenangi oleh anggota masyarakat dan memberikan persepsi yang positif di kalangan rakyat secara keseluruhannya.**

*Through the KPPA Meet-and-Greet Reception Program with Kedah Government Pensioner's Association Retirees under the #AssistingPensioner Program on 25 to 26 November 2018, YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah made a calling for the retirees association to play an active part in fostering good relationships between the Government and the Government's retirees. He stated that Public Service Department (PSD) would always provide assistance and support to these associations to ensure the welfare of pensioners whom had graciously served the countries for many years are well taken care of.*

*At this time, JPA together with associations of pensioners frequently held on 'turun padang' programs to share policies and current issues relating to pensioners' affairs which is being implemented and has undergone improvements by Government for the Pensioners' well-being.*

*Conducting programs such as these also celebrate and acknowledge the pensioners that had set an example and becomes an inspiration among other pensioners.*

*At the program sessions, YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah presented medical equipment assistance such as wheelchairs to several pensioners who were sick. The program also involved Retirement Fund (Incorporated) (KWAP), Langkawi Development Authority (LADA) , Kedah Government's Pensioner Association (PPKM),  Langkawi District Office, Pejabat Pengurusan Zakat Daerah Langkawi and also Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Langkawi.*

*YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah also reminded civil servants and pensioners to consistently upheld the reputation of public service from time to time in the hope that they will always be well-liked by the society and provided a positive perception among the people throughout the nation.*



# BAHAGIAN PENGURUSAN PSIKOLOGI

# *PSYCHOLOGY MANAGEMENT DIVISION*




## PERSIDANGAN PSIKOLOGI PERKHIDMATAN AWAM KE 23 TAHUN 2018 #SejahteraPsikologi

Persidangan Psikologi dalam Perkhidmatan Awam merupakan acara tahunan yang diadakan pada 9 Oktober 2018 sebagai pentas kepada semua penjawat awam untuk bertukar idea, berkongsi maklumat, mempelajari teknik terkini dan meningkatkan pengetahuan serta kemahiran yang merentasi pelbagai sektor perkhidmatan.

Persidangan ini turut memainkan peranan dalam mewujudkan kolaborasi, hubungan strategik dan jaringan kerjasama profesional



## *THE 23RD PUBLIC SERVICE PSYCHOLOGY CONFERENCE FOR THE YEAR OF 2018 #PsychologyWell-being*

*The Psychology Conference in the Public Service is an annual program that was held on 9 October 2018 as a stage for all civil servants to exchange ideas, share the latest learning information technique and increased knowledge as well as skills that transcends across various public sectors.*

*The conference also play a part in establishing collaborations, strategic relationship and professional network cooperation between participants and human resource managers serving the public sector thus experience, knowledge, skills and positive ideas could be widely distributed and beneficially utilized.*

*Psychology Well-being is the theme chosen for the year 2018 as civil servants today are facing*



di antara peserta dan pengurus sumber manusia yang berkhidmat di sektor awam, agar pengalaman, pengetahuan, kemahiran dan idea positif dapat disebarluaskan serta dimanfaatkan.

Sejahtera Psikologi merupakan tema yang dipilih bagi tahun 2018 kerana penjawat awam pada masa kini berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam suasana ekonomi dan persekitaran yang tidak menentu yang menyebabkan pelbagai isu-isu kesihatan diri dari segi fizikal dan mental dipengaruhi. Ianya merupakan salah satu usaha dalam membentuk penjawat awam yang sejahtera dari segi kognitif, tingkah laku, emosi dan spiritual agar mereka mempunyai tahap kesihatan mental yang optima dalam menjalani kehidupan seharian.

Melalui persidangan pada hari ini ianya memberi fokus kepada isu dan pengurusan kesihatan mental di tempat kerja dari aspek kefungsian individu seperti kecelaruan kognitif, tingkah laku dan emosi. Manakala, konsep kesejahteraan psikologi seperti keseimbangan emosi, kefungsian dan potensi individu, kepuasan dan kualiti hidup, kefungsian sosial dan kesejahteraan pekerjaan yang merupakan elemen utama dalam membentuk penjawat awam yang sejahtera serta berprestasi tinggi.
Objektif utama persidangan ini dilaksanakan adalah untuk;

1. Meningkatkan keupayaan pegawai dalam menguruskan isu kesihatan mental di tempat kerja melalui pendekatan psikologi yang merentasi pelbagai sektor perkhidmatan melalui jaringan kerja yang professional dan strategik.

2. Meningkatkan kompetensi pegawai menggunakan pendekatan intervensi terapeutik bagi membangun pelan rawatan yang sistematik dan menangani isu kesihatan mental secara lebih berkesan.

3. Menjadi pentas kepada pegawai untuk berkongsi pengalaman, budaya, idea dan pandangan dengan pengamal psikologi atau ahli professional kesihatan mental bagi memperkukuhkan kesejahteraan psikologi insan.

Persidangan pada kali ini disempurnakan oleh YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan beliau juga turut melancarkan keberhasilan Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia (IKPM).

IKPM dibangunkan sebagai indikator kepada kualiti dan kepuasan kehidupan, kebahagiaan dan kefungsian masyarakat. Terdapat lima (5) domain utama telah dipilih berdasarkan literatur dan penelitian terhadap indeks-indeks lain yang telah dibangunkan di Malaysia. Antara lima (5) domain tersebut merangkumi kesejahteraan emosi (positif dan negatif), kepuasan hidup, kesejahteraan sosial dan kefungsian psikologi.

Oleh itu melalui lima (5) aspek ini, ianya mengambarkan kesejahteraan psikologi sangat penting kepada setiap individu dan ianya mempunyai implikasi besar dalam mempengaruhi kesihatan mental dan fizikal individu. Keupayaan menguruskan psikologi diri dapat membantu individu menjalani kehidupan dengan baik dan bermakna. Justeru, permuafakatan individu yang mempunyai kesejahteraan psikologi mewujudkan satu kelompok masyarakat seimbang seterusnya membentuk sebuah negara yang rakyatnya memiliki tahap kesejahteraan yang tinggi.




*various challenges in this uncertain economic condition and environment that has been the course of all sorts of personal health issues from physical and mental aspects. It is an effort in shaping civil servants that thrive in the cognitive, behaviour, emotional and spiritual aspects which would enable them to possess optimum mental health in everyday life.*

*Today's conference focuses on issues and management of mental health at work from the aspect of individual functions such as cognitive, behaviour and emotional disorder. Whereas, the concept of psychology wellbeing such as emotional and functional balance, individual potential, satisfaction and quality of life, social functionality and occupation wellbeing are the main elements in shaping thriving and high-performance civil servants.*

*The main objectives for the implementation of the conference are to:*

1. *Increase the ability of officers in managing mental health issues at work through psychology approach that transcends various public sectors via professional and strategic network.*

2. *To increase officers' competencies using the therapeutic intervention approach to develop a systematic medical plan and handling the mental health issues more effectively.*

3. *Providing a stage for officers to share experiences, culture, ideas and views with psychology practitioner or mental health professional members to strengthen the psychology wellbeing of people.*

*The conference was officiated by YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah Director General of Public Service whom had also launched the outcome of Malaysia Psychology Wellbeing Indexes (IKPM).*
*IKPM is developed as an indicator for quality, satisfaction of life, happiness and functionality of society. There are five (5) main domain chosen based on literature and research on other indexes that was developed in Malaysia. Among five (5) of the domain encompasses emotional wellbeing (positive and negative), satisfaction of life, social wellbeing and functionality of psychology.*

*Therefore these (5) aspects depicts that psychology wellbeing in each individual is extremely important and has large implications in influencing mental and physical health of individuals. The ability to manage self-psychology would assist individuals in living a good and meaningful life. Thus, solidarity of individuals that possess psychology wellbeing create a group of balanced society, hence shaping a country whose people possess a high level of wellbeing.*

## DATA KESEJAHTERAAN NEGARA




**Rajah 1: Data Isu Kesejahteraan Negara**

## KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI

Kesejahteraan psikologi sangat penting dalam mempengaruhi kefungsian mental dan kesihatan fizikal seseorang. Ia merangkumi semua elemen penting yang berupaya mempengaruhi kefungsian individu dalam masyarakat seperti kesejahteraan sosial, kepuasan hidup dan kebermaknaan dalam kehidupan. Dewasa ini pelbagai isu berkaitan kepincangan sosial banyak dilaporkan oleh media sama ada media elektronik, media cetak ataupun media sosial seperti isu bunuh, bunuh diri, peningkatan kes kesihatan

## *PYSCHOLOGY WELLBEING*

*Psychology wellbeing is highly important in influencing mental and physical health of an individual. It encompasses all the key elements able to influence functionality of an individual in the community such as social wellbeing, satisfaction of life, and meaningful life. These days various issues relating to electronic, print media or social media such as murder, suicide, an increase in mental health and abandoned babies case, robbery, homelessness, sexual assault, bullying and etc. It has made a negative effect to the community and the nation. This situation could be directly linked to the effect of will-being of individual psychology that is a part of the community. Therefore, aspects of psychology wellbeing need to be scrutinized and empowered in line with government's intention to develop high performance and prosperous human capital.*

*Gathering from incidents that has shaken the society, individual values*

mental, pembuangan bayi, samun, gelandangan, serangan seksual, buli dan sebagainya. Ia telah memberi kesan negatif kepada masyarakat dan negara. Situasi ini, dapat dikaitkan secara langsung dengan kesan ketidaksejahteraan psikologi individu yang menjadi sebahagian daripada ahli masyarakat. Justeru, aspek kesejahteraan psikologi ini perlu diteliti dan diperkasakan selaras dengan hasrat kerajaan untuk membangun modal insan berprestasi tinggi dan sejahtera.

Rentetan daripada insiden–insiden yang menggemparkan masyarakat, maka berlakunya kemerosotan nilai individu pada masa kini. Ini menimbulkan kesedaran akan pentingnya elemen kesejahteraan psikologi dalam kalangan rakyat. Pelbagai pandangan dan desakan telah diutarakan oleh pelbagai pihak agar kesejahteraan psikologi rakyat dapat dimantapkan dengan segera. Tokoh aktivis sosial seperti Tan Sri Lee Lam Thye kerap kali menyuarakan kepentingan agar kesejahteraan psikologi diberi perhatian serius oleh kerajaan. Desakan terkini yang beliau utarakan adalah berhubung keperluan membangunkan indeks kesejahteraan psikologi seperti mana yang dilaporkan dalam media. Walau bagaimanapun, cetusan kepada pembangunan indeks kesejahteraan psikologi ini telah pun dimulakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) rentetan dari Persidangan Psikologi Modal Insan Tahun 2017. Desakan daripada tokoh aktivis sosial tersebut adalah selari dengan usaha yang diambil dalam membangunkan Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia.

Statistik ini, jika dianalogikan seumpama cebisan-cebisan kecil yang rosak daripada
sebuah potret yang cantik. Kerosakan cebisan kecil ini mencacatkan keindahan estetika potret tersebut. Begitulah jua keadaannya dengan kesejahteraan negara. Potret
tersebut adalah gambaran kepada kesejahteraan hoslitik manakala cebisan-cebisan yang rosak adalah isu-isuyang timbul disebabkan ketidaksejahteraan psikologi seperti yang dinyatakan di atas. Isu-isu ini menggambarkan ketidaksejahteraan dalam masyarakat yang merangkumi elemen kesejahteraan objektif (ekonomi dan sosial) dan kesejahteraan

*nowadays has been depreciated. This has raise awareness for the importance of the elements of psychology wellbeing among people. A variety views and calls have been made for the psychology wellbeing of people to be strengthened without any delays. Social activists' figure such as Tan Sri Lee Lam Thye had often spoken out for the importance of psychology wellbeing to be taken seriously by the government. The latest urge voiced out by him relates to the development of the psychology indexes as reported in medias. Nevertheless, the beginning of the development of psychology wellbeing index has been initiated by the Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) following the Human Capital Psychological Conference 2017. Insistence from the social activist's figure is in line with the efforts taken in developing the Malaysia Psychology Wellbeing Index.*

*This statistic, by analogy is akin to small torn pieces of a beautiful portrait. The torn pieces defaced the aesthetic beauty of the portrait. Such is the case of the country's wellbeing. The portrait is a picture of the holistic wellbeing whereas the torn damaged pieces are the issues that has arisen due to psychology wellbeing in the society as stated above. These issues show the illbeing in the society that covers elements of objective being (economic and social) and subjective wellbeing (psychology). Scholars and policy makers acquiesce the importance of the subjective wellbeing (psychology) as a complement to a prosperous nation. (Diener & Seligman 2004; Diener at al.2015). The subjective indicators are capable of providing a wider perspective in relation to quality of life as opposed to simply relying on the objective indication such as economy and social per se.*

*Although the economy and social indicators are objective by nature and widely accepted, it has its own shortcomings and is inadequate to demonstrate the quality of life in a nation cumulatively (National Research Council, 2013). The issues relevant to psychology wellbeing should not be taken lightly as it can have a big impact to the prosperity, security, satisfaction and sustainability of life as well as on the image and perception of people from the outside or foreign investor towards this country. These elements are closely connected to an individual's psychology wellbeing whom are bearing the responsibility of building the community and nation as a whole.*

*Scrutinization of western countries over several decades found that even though the economic growth seems rapid and the income of the people have risen, relative assessment on life satisfaction was found to be at a static level. The situation has raised questions relating to the relevance of the country's policies that emphasize on the economic growth but failed to bring happiness and joy to its citizen. (Dolan & White, 2007). According to this finding, subjective questions such as "What is true happiness" could only be answered with the view that true happiness is intertwined to "Psychological Wellbeing". Thus, with that answer, efforts of moving forward from the finding is to assess, study and identify the level of "Psychological Wellbeing" of Malaysian from the formation of the "Malaysia Psychology Wellbeing Indexes". The findings from the index will provide a more accurate picture of the condition and the needs of the people in Malaysia in making Malaysia a country that will attain a meaningful, flourishing and preserved happiness.*

*In a global environment that keeps on being more challenging, individuals' abilities are shoved/sharpened to ensure that viability of life are constantly at the top level. Faced with these challenges, the government has given the appropriate focus in increasing the level of wellbeing of the people. To achieve this intention, a development strategy that is holistic with the focus on the balance of all three national wellbeing components; economic prosperity, social development and psychology wellbeing, needs to be implemented.*

**Figures in Diagram 1 and 2 shows that the current issues in the society are serious and must be dealt with urgently.*

## ISU KESEJAHTERAAN PERKHIDMATAN AWAM




Rajah 2: Data Isu Kesejahteraan Perkhidmatan Awam

subjektif (psikologi). Para sarjana dan pembuat dasar mengakui kepentingan kesejahteraan subjektif (psikologi) sebagai indicator pelengkap kepada kemakmuran negara (Diener & Seligman 2004; Diener at al.2015). Indikator kesejahteraan subjektif berupaya memberi perspektif yang lebih luas berhubung kualiti hidup berbanding dengan hanya berdasarkan petunjuk objektif seperti ekonomi atau sosial semata-mata.

Walaupun indikator ekonomi dan sosial bersifat objektif dan diterima ramai, namun ia mempunyai kekurangan tertentu, serta tidak memadai bagi menggambarkan kualiti kehidupan di sesebuah negara secara kumulatif (National Research Council, 2013). Isu-isu yang berkait dengan kesejahteraan psikologi tidak boleh dipandang ringan kerana impaknya yang besar kepada kemakmuran, keselamatan, kepuasan dan kelangsungan hidup serta imej dan persepsi orang luar atau pelabur luar terhadap negara ini. Elemen-elemen ini berkait rapat dengan kesejahteraan psikologi individu yang menggalas tanggungjawab membina komuniti dan negara secara keseluruhan.

Penelitian selama beberapa dekad di negara-negara barat mendapati, walau pun pertumbuhan ekonomi kelihatan rancak dan pendapatan rakyat meningkat, namun secara relatifnya penilaian terhadap kepuasan hidup (life satisfaction) didapati berada pada tahap yang statik. Keadaan ini menimbulkan persoalan berhubung kerelevanan polisipolisi negara yang menekankan pertumbuhan ekonomi tetapi gagal memberi kebahagiaan dan kegembiraan kepada warganegaranya (Dolan & White, 2007). Berdasarkan dapatan ini, persoalan yang berbentuk subjektif: “Apakah kebahagiaan yang sebenar” dapat dijawab dengan pandangan kebahagiaan sebenar adalah berkait rapat dengan kesejahteraan psikologi atau “Psychological Wellbeing”. Maka dengan adanya jawapan tersebut, usaha “moving forward” daripada dapatan tersebut adalah untuk menilai, mengkaji dan mengenalpasti akan tahap “Kesejahteraan Psikologi” rakyat Malaysia melalui penghasilan “Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia”.

Dapatan indeks ini akan dapat memberikan gambaran yang lebih tepat akan keadaan dan keperluan rakyat dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang akan dapat mengecapi kebahagiaan yang bermakna, sejahtera dan terpelihara.

Dalam persekitaran global yang semakin mencabar, keupayaan individu turut diasak dalam memastikan kelangsungan kehidupan sentiasa berada di tahap yang terbaik. Berhadapan dengan cabaran ini, kerajaan telah memberi tumpuan yang sewajarnya untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat. Bagi mencapai hasrat ini, strategi pembangunan yang holistik dengan memberi penumpuan kepada keseimbangan ketiga-tiga komponen kesejahteraan negara iaitu, kemakmuran ekonomi, kemajuan sosial dan kesejahteraan psikologi perlu dilaksanakan.

**Paparan dalam Rajah 1 dan 2 menunjukkan isu-isu yang berlaku dalam masyarakat adalah serius dan perlu ditangani dengan segera.*

# PELAKSANAAN UJIAN PSIKOLOGI DAN PROGRAM KONSULTANSI PSIKOMETRIK

## *THE IMPLEMENTATION OF PSYCHOLOGICAL TEST AND PSYCHOMETRIC PROGRAM*

### Kategori Penggunaan Ujian Psikologi Mengikut Bulan

*Categories Of Usage Of Psychological Test According To Month*

| UJIAN / BULAN | PERSONALITI | | | MINAT | | UJIAN KHAS | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | IPU | IP | PPKP | IDP | IBK | UKPP | HLP | |
| Januari | 2,814 | 45 | 100 | 46 | 0 | 0 | 0 | **3,005** |
| Februari | 704 | 140 | 193 | 0 | 0 | 0 | 0 | **1,037** |
| Mac | 1,128 | 240 | 796 | 0 | 20 | 5,413 | 0 | **7,597** |
| April | 4,125 | 24 | 156 | 0 | 2,048 | 0 | 0 | **6,353** |
| Mei | 601 | 0 | 82 | 0 | 206 | 0 | 0 | **889** |
| Jun | 295 | 0 | 229 | 0 | 0 | 0 | 0 | **524** |
| Julai | 1,110 | 0 | 53 | 0 | 2 | 563 | 0 | **1,728** |
| Ogos | 1,154 | 0 | 140 | 1,890 | 1 | 0 | 0 | **3,185** |
| September | 502 | 0 | 178 | 0 | 0 | 0 | 0 | **680** |
| Oktober | 319 | 0 | 92 | 7 | 0 | 0 | 0 | **418** |
| November | 315 | 0 | 73 | 0 | 0 | 0 | 0 | **388** |
| Disember | 319 | 0 | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | **321** |
| **JUMLAH** | **13,386** | **449** | **2,094** | **1,943** | **2,277** | **5,976** | **0** | **26,125** |

### Kategori Penggunaan Ujian Psikologi Mengikut Kementerian / Agensi

*Categories Of Usage Of Psychological Test According To Ministries / Agencies*

| KATEGORI | KEMENTERIAN | SUK | JABATAN | BADAN BERKANUN | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|
| Pembangunan dan Profiling | 13 | 2 | 16 | 7 | 38 |
| Perlantikan | 5 | 1 | 6 | 5 | 17 |
| Pelan Penempatan | 2 | - | - | 1 | 3 |
| Intervensi Dasar Pemisah (Exit Policy) | 4 | 1 | 3 | 1 | 9 |

# KATEGORI PENGGUNAAN UJIAN PSIKOLOGI MENGIKUT KEMENTERIAN / AGENSI

# *CATEGORIES OF USAGE OF PSYCHOLOGICAL TEST ACCORDING TO MINISTRIES / AGENCIES*

## Pembangunan & Profiling

*Development & Profiling*

1. Jabatan Perkhidmatan Awam
2. Polis Diraja Malaysia
3. Kementerian Luar Negeri
4. Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia
5. Kementerian Pertahanan
6. Kementerian Kerja Raya
7. Kementerian Tenaga Teknologi Hijau Dan Air
8. Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
9. Jabatan Akauntan Negara
10. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
11. Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
12. Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar
13. Jabatan Kastam Diraja Malaysia
14. Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara
15. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu
16. Agensi Kelayakan Malaysia
17. Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya Malaysia
18. Kementerian Kewangan
19. Jabatan Penilaian & Perkhidmatan Harta
20. Universiti Malaysia Pahang
21. Jabatan Ketua Menteri Sarawak
22. Universiti Teknologi Mara
23. Unit Pemodenan Tadbdiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia
24. Jabatan Audit Negara
25. Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
26. Jabatan Kebajikan Masyarakat
27. Kementerian Kesihatan Malaysia
28. Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim
29. Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
30. Jabatan Penyiaran Malaysia
31. Lembaga Tabung Haji
32. Kementerian Pelajaran Malayisa
33. Jabatan Penjara Malaysia
34. Jabatan Perangkaan Malaysia
35. Kementerian Pengangkutan Malaysia
36. Universiti Putra Malaysia
37. Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani
38. Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia

## Pelantikan / Pemilihan

*Appointment / Selection*

1. Lembaga Hasil Dalam Negeri
2. Kementerian Belia Dan Sukan
3. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Terengganu
4. Jabatan Perdana Menteri
5. Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi
6. Kementerian Luar Negeri
7. Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia
8. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
9. Majlis Amanah Rakyat
10. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
11. Lembaga Tabung Haji
12. Jabatan Perkhidmatan Awam
13. Kementerian Pelajaran Malayisa
14. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
15. Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak
16. Jabatan Peguam Negara
17. Polis Diraja Malaysia
18. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
19. Suruhanjaya Pekhidmatan Kehakiman dan Perundangan

## Penempatan

*Placement*

1. Majlis Amanah Rakyat
2. Kementerian Luar Negeri
3. Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya Malaysia

## Dasar Pemisah

*Exit Policy*

1. Jabatan Perkhidmatan Awam
2. Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
3. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
4. Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
5. Universiti Malaya
6. Kementerian Air,Tanah Dan Sumber Asli
7. Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani
8. Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi
9. Kementerian Pertahanan

## Konsultansi Ujian Psikologi Tahun 2018

*Consultation For Psychological Test Of The Year 2018*

1. Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu
2. Institut Tadbiran Awam Negara
3. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
4. Polis Diraja Malaysia
5. Institut Latihan Islam Malaysia
6. Jabatan Kastam Diraja Malaysia
7. Bahagian Modal Insan JPA
8. Jabatan Akauntan Negara
9. Politeknik Melaka
10. Jabatan Ketua Menteri Sarawak
11. Agensi Kelayakan Malaysia
12. Jabatan Peguam Negara

# BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MAKLUMAT STRATEGIK (BPMS)

# *DEVELOPMENT AND MANAGEMENT OF STRATEGIC INFORMATION DIVISION*

## SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) ISO/IEC 27001:2013

Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2013 di JPA dilaksanakan dengan objektif untuk mengurus dan meminimumkan risiko keselamatan maklumat selaras dengan keperluan dan ekspektasi pemegang taruh. Ia menekankan kepada konsep atau prinsip keselamatan maklumat iaitu pemeliharaan kerahsiaan, integriti dan kebolehsediaan. Skop yang dipersijilkan di Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Maklumat Strategik (BPMS) dan INTAN adalah:

- Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) merangkumi pengurusan perkhidmatan Human Resources Management Information System (HRMIS) dan perkhidmatan meja bantuan HRMIS tahap satu di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Malaysia.
- Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) bagi pengurusan perkhidmatan Sistem E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA), INTAN

Persijilan ISO/IEC 27001:2013 yang diperolehi, mempunyai tempoh sah selama 3 tahun. Pihak JPA perlu mengekalkan persijilan sedia ada, dengan melaksanakan beberapa aktiviti, antaranya:-

- Mengadakan beberapa aktiviti penambahbaikan sebelum menghadapi sesi audit. Antara aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti bengkel risk assessment, bengkel semakan dokumen dan sesi audit dalam serta luar. Aktiviti berkenaan akan diselaraskan oleh urus setia Pasukan Pelaksana ISMS, BPMS & INTAN.
- Sesi audit dalam yang melibatkan seramai 10 orang juruaudit yang terlatih telah ditugaskan untuk melaksanakan audit di BPMS dan INTAN. Sesi audit ini juga dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali sebelum sesi audit luar dijalankan. Hasil penemuan audit akan dimaklumkan kepada pasukan Pelaksana ISMS, BPMS & INTAN agar dapat melaksanakan penambahbaikan/pembetulan sebelum sesi audit luar diadakan.
- Sesi audit luar akan dijalankan bersama-sama dengan sebuah badan persijilan yang mengeluarkan persijilan ISO/IEC 27001:2013 ke atas JPA, kerana telah berjaya mematuhi standard ISO/IEC 27001:2013. Sesi audit ini juga dikenali sebagai audit pemantauan ke atas agensi bagi memantau



dan memastikan agensi terus kekal mematuhi dan melaksanakan penambahbaikan yang berterusan. Pihak audit luar akan mengesyorkan persijilan sedia ada diteruskan, disamping pihak auditee melaksanakan penambahbaikan berdasarkan teguran oleh pihak juruaudit.

Bengkel Semakan Dokumen ISMS merupakan aktiviti awal yang telah dilaksanakan iaitu pada 19 – 21 Februari 2018. Aktiviti ini adalah untuk memastikan dokumen berkaitan ISMS dan SOP yang dibangunkan menepati proses kerja semasa yang dijalankan di samping memenuhi keperluan persijilan ISMS. Pemilihan peserta adalah berdasarkan kepada keterlibatan pegawai dalam skop pelaksanaan ISMS JPA. Jumlah peserta terlibat adalah seramai 27 orang yang terdiri daripada pelbagai gred jawatan – TP, KPP, PP dan PPTM di BPMS dan i-MATEC, INTAN. Aktiviti bengkel dilaksanakan secara perbincangan berkumpulan dengan merujuk kepada dokumen di bawah seliaan kumpulan sektor masing-masing.

Risk Assessment yang dijalankan oleh pihak BPMS & INTAN adalah berdasarkan aset-aset yang terlibat di dalam skop pensijilan. Bengkel Risk Assessment telah dijalankan pada 6-8 Mac 2018 untuk mengenalpasti tahap risiko setiap aset serta menetapkan kawalan yang bersesuaian bagi mengurangkan risiko ke atas aset berkenaan. Kaedah penilaian adalah dengan menggunakan Sistem MyRAM App yang dikawal selia oleh MAMPU. Seramai 30 orang terlibat bagi menjayakan aktiviti ini, yang terdiri daripada Pasukan Pelaksana ISMS, BPMS & INTAN.

Manakala Bengkel ISMS Awareness telah turut diadakan pada 28 Jun 2018 bagi memastikan tahap kesedaran pegawai-pegawai yang terlibat di dalam skop ISMS di BPMS dan INTAN, Bukit Kiara adalah berada di tahap yang memuaskan serta dapat memenuhi salah satu keperluan ISMS dan mengekalkan pensijilan ISMS sedia ada. Taklimat bengkel dibahagikan kepada dua (2) sesi iaitu i) Latar belakang & Keselamatan ICT; dan ii) ISMS & Pelaksanaan ISMS di JPA. Di dalam bengkel ini juga, kesemua




peserta menyertai aktiviti kuiz ISO/IEC 27001:2013 bagi menguji kefahaman peserta sebelum dan selepas taklimat. Di samping itu, peserta juga turut terlibat di dalam sesi perbincangan berkumpulan.

Sesi Audit SIRIM bagi pensijilan semula ISO/IEC 27001:2013 turut diadakan pada 18-20 September 2018 yang lepas dengan penglibatan 3 orang juruaudit dari pihak SIRIM yang diketuai oleh Puan Noridah binti Yahya. Seramai 2 orang juruaudit telah ditempatkan di BPMS manakala seorang di INTAN. Hasil penemuan audit mendapati;

- Audit dalam telah dilaksanakan oleh juruaudit dalaman yang terlatih;

- Semua proses berkaitan ISMS dan 113 kawalan keselamatan di BPMS dan 114 kawalan keselamatan di INTAN telah dilaksanakan mengikut keperluan standard ; dan

- Peningkatan terhadap pemahaman dan kesedaran terhadap kepentingan sistem keselamatan maklumat
Pihak JPA telah mendapat pensijilan semula pada 11 Oktober 2018 bagi tahun ke 3 pensijilan. Tempoh pensijilan adalah bermula dari 11 Oktober 2018 – 9 Oktober 2021.

## *INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM (ISMS) ISO/IEC 27001:2013*

*Information Security Management System (ISMS) ISO/IEC 27001:2013 in JPA is ran with the objective to manage and minimize information security risks in line with the need and expectation of stakeholders. It emphasizes the concepts or principles of information security which are the protection of confidentiality, integrity and availability. The scopes that are certified in the Department of Development and Strategic Information Management (BPMS) and INTAN are:*

- *Information Security Management System (ISMS) ISO/IEC 27001:2013 encompasses the management of Human Resource Management Information System (HRMIS) and HRMIS help desk service stage 1 in Public Service Department (PSD) Malaysia.*

- *Information Security Management System (ISMS) for management of the Public Sector E-Learning System (EPSA), INTAN*

*Certification of ISO/IEC 27001:2013 obtained has a validity period of 3 years. PSD needs/is required to maintain the existing certification by implementing several activities, among*



*others: -*

- *Holding a few improvements activities before facing an audit session. Among activities implemented are those such as risk management workshop, proofreading documents workshop and internal as well as external audit session. The relevant activities will be aligned by the Pasukan Pelaksana ISMS, BPMS & INTAN.*

- *An internal audit session involving 10 trained auditors that has been assigned to perform audit in BPMS and INTAN. This Audit session is also conducted at least once before an external audit session is conducted. The findings of the audit will be communicated to the ISMS Pelaksana Team, BPMS & INTAN so that improvements/ corrections could be implemented before an external audit session is performed.*

- *An external audit session will be conducted together with a certified body which will issue ISO/IEC 27001:2013 certification on to JPA, for having been successfully in compliance with the ISO/IEC 27001:2013 standard. This audit session is also known as a monitoring audit for agencies, to monitor and ensure agencies remain compliance and implement continuous improvements.*

*The ISMS Proofreading Document Workshop was an activity that had been held early on the 19- 21 February 2018. This activity is to ensure documents in relation to ISMS and the developed SOP meets the current work process that is being run while adhering to the ISMS certification requirements. The selection of the participants is based on the involvement of the officers in the JPA ISMS implementation scope. The total of participants involved is 27 persons from various position grade – TP, KPP, PP and PPTM in BPMS and i-MATEC, INTAN. Workshop activities are conducted in discussion groups with reference to documents under the supervision of each sector group.*

*Risk Assessment conducted by BPMS & INTAN is based on the assets involved in the certification scope. The Risk Assessment workshop was held on the 6-8 March 2018 to identify the level of risk for each asset as well as to set the appropriate control to reduce the risk on the relevant asset. The assessment method is by using MyRAM System App which is supervised and monitored by MAMPU. 30 persons from Pasukan Pelaksana ISMS, BPMS & INTAN were involved in making the activity a success.*

*ISMS Awareness Workshop was also held on the 28 June 2018 to ensure the level of awareness of the officers involved in the ISMS scope in BPMS and INTAN, Bukit Kiara is at a satisfactory level as well as being able to meet one of the requirements of the ISMS and maintaining the existing ISMS. The briefing of the workshop is divided into two (2) sessions which are i) Background & ICT Security; and ii) ISMS & ISMS Implementation in JPA. Also, in this workshop, all participants will participate in the ISO/ IEC 27001:2013 quiz activities to test the participant's understanding before and after the briefing. In addition to that, participants are also involved in the group discussion sessions.*

*SIRIM Audit Session for ISO/IEC 27001:2013 recertification was also held on the 18 -20 September 2018 with the involvement of 3 auditor from SIRIM led by Puan Noridah binti Yahya. A total of 2 auditor had been placed in BPMS whereas one was placed in INTAN. The findings result of the audit had discovered:*

- *Audit was performed by trained internal auditors;*

- *All process related to ISMS and security control 113 in BPMS and security control 114 in INTAN was performed according to the standard's requirement; and*

- *Increased level of understanding and awareness of the importance of information security system*

*JPA has obtained recertification on the 11 October 2018 for the 3rd year of certification. The certification period begins on the 11 October 2018 – 9 October 2021.*

## SISTEM PENGURUSAN MEJA BANTUAN (SPMB)

Sistem Pengurusan Meja Bantuan (SPMB) merupakan satu produk baharu JPA dalam meningkatkan kecekapan dan ketelusan penyampaian perkhidmatan Kerajaan oleh JPA. Fokus SPMB adalah untuk memantapkan pengurusan aduan aplikasi ICT JPA dengan menawarkan fungsi sistem aduan yang holistik, efektif dan berakauntabiliti.

SPMB boleh diakses oleh penjawat dan orang awam yang menjadi pengguna aplikasi ICT JPA seperti MyPesara, MySelf, ePermohonan, eSila dan sebagainya. SPMB dibangunkan sepenuhnya secara dalaman dengan menggunakan kepakaran pegawai BPMS, JPA dengan mengambil kira semua pandangan dan keperluan pengguna di semua peringkat agensi tanpa melibatkan sebarang kos. SPMB dilancarkan secara rasmi semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu HRMIS Bil.1/2018 yang diadakan di Dewan Sri Siantan Perbadanan Putrajaya pada 1 Oktober 2018. Ia boleh diakses melalui https:// spmb.jpa.gov.my/




***Pengguna SPMB***




***Kelebihan SPMB***




## *HELP DESK MANAGEMENT SYSTEM (SPMB)*

*Help Desk Management System (SPMB) is a new JPA product in increasing Government service delivery efficiency and transparency by JPA. The SPMB focus is to strengthen the management of JPA ICT application complaint by offering a complaint system function that is holistic, effective and accountable.*

*SPMB can be assessed by servants and civilians who are using the JPA ICT application such as MyPesara, MySelf, ePermohonan, eSila and others. SPMB is developed wholly internally using the expertise of JPA BPMS officers, while taking into consideration the views and needs of users in all levels of agencies without incurring any costs. SPMB was officially launched during the HRMIS Steering Committee Bil.1/2018 which was held at Dewan Sri Siantan Perbadanan Putrajaya on 1 October 2018. It can be accessed via https:// spmb.jpa.gov.my/*

## SPMB

**MyHRMIS Care dibangunkan menggunakan kepakaran dalaman Jabatan Perkhidmatan Awam dan ia adalah responsive kepada semua peranti elektronik.**

*MyHRIMS Care is developed using the internal expertise of Jabatan Perkhidmatan Awam and it is responsive to all electronic devices.*












## #HRMISgoCO

**Inisiatif #HRMISgoCO merupakan inisiatif transformasi JPA tahun 2018 yang bertujuan untuk meningkatkan penggunaan HRMIS di kalangan penjawat awam. Melalui penggunaan HRMIS yang menyeluruh di kalangan penjawat awam, data-data yang berintegriti dapat diperoleh dan digunakan dalam pembangunan dan pengurusan sumber manusia. Pasukan pengurusan perubahan di Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Maklumat Strategik (BPMS) di JPA telah dipertanggungjawabkan untuk menjayakan inisiatif tersebut.**

**Pelaksanaan inisiatif #HRMISgoCO lebih tertumpu kepada pemilik-pemilik kompetensi di mana program-program yang dijalankan memfokuskan kepada peningkatan kesedaran dan pengetahuan penjawat awam terhadap HRMIS. Antara aktiviti yang terkandung dalam inisiatif #HRMISgoCO ialah Program Sharing HRMIS Application Knowledge And Experience (SHARE), Program HRMIS Care, Program HRMIS User Group Summit (HUGS), Program Implementation Status (ImStat) dan aktiviti promosi HRMIS melalui media cetak, media elektronik serta media sosial.**

**Program Sharing HRMIS Application Knowledge and Experience atau lebih dikenali sebagai SHARE adalah program yang telah dilaksanakan pada tahun 2017 dan diteruskan pada tahun 2018. Buat julung kalinya, Program SHARE – HRMIS pada tahun ini bukan sahaja memfokuskan kepada pengurus sember manusia dan pentadbir HRMIS agensi, malah mula memperluaskan latihan kepada Pemilik Kompetensi (CO) di agensi. Pada kali ini, CO telah dijemput sebagai peserta dengan sasaran bagi meningkatkan penggunaan HRMIS di kalangan CO di samping memberi pengenalan dan kesedaran mengenai sistem tersebut kepada perkhidmatan awam. Modul-modul yang difokuskan kepada CO ialah seperti berikut:**

**Selain itu, program ini juga memuatkan slot khas iaitu Taklimat Kepentingan HRMIS kepada Penjawat Awam dan Sistem Pengurusan Meja Bantuan (SPMB) dalam setiap siri program yang dilaksanakan. Slot bagi SPMB merupakan sesi taklimat dan juga hands-on sistem tersebut yang mula digunakan sepenuhnya mulai 1 Jun 2018 yang lalu. SPMB merupakan satu inisiatif baharu JPA di dalam memberikan kemudahan menguruskan aduan ICT secara cekap dan telus. Sepanjang tahun 2018, sebanyak 12 siri program telah dilaksanakan dengan butiran seperti di bawah:**

## *#HRMISgoCO*

*#HRMISgoCO is a JPA transformation initiative for the year of 2018 that is geared to increase the usage of HRMIS among the civil servants. Integrity datas could be obtained by thourough usage of the HRIMIS by civil servants and could be used in the development and management of human resource. The change management team in the Deparment of Development and Strategic Information Management (BPMS) in JPA is entrusted with the responsibility to ensure the success of the initiative.*

*The implementation of #HRMISgoCO initiative focuses more on the owners of competencies where programs are held to focus on increasing the awareness and knowledge of the civil servants towards HRMIS. Among activities contained in the #HRMISgoCO initiative is the Sharing HRMIS Application Knowledge And Experience (SHARE) Programme, HRMIS Care Programme, HRMIS User Group Summit Programme (HUGS), Implementation Status Programme (ImStat) and HRMIS promotional activities via print media, electronic media and social media.*

*Sharing HRMIS Application Knowledge and Experience Programme or better known as SHARE is a program that was implemented on the year 2017 and continued to the year 2018. For the first time, SHARE Programme - HRMIS this year had not only focused on the management of human resource and the administrator of HRMIS agency, it had also extended training to Competencies Owner (CO) in agency. This time, CO had been invited as participants with the aim of increasing the usage of HRMIS amongst CO as well as to provide introduction and awareness of the system to the public service.*

*Aside from that, this program also includes a special slot that is the briefing sessions on the Importance of HRMIS to Civil Servants and Help Desk Management System (SPMB) in each series of the program held. The slot for SPMB is a briefing session and also a hands-on system that was first used comprehensively beginning on the last 1 Jun 2018. SPMB is a new JPA initiative in providing ICT complaints management faciility efficiently and transparently. Throughout the year 2018, a total of 12 series of program had been held/ implemented with the following details:*

- ***Rekod Peribadi***
- ***Perisytiharan Harta***
- ***Pengurusan Cuti***
- ***Sasaran Kerja Tahunan (SKT)***
- ***Pengurusan Perubatan (eGL)***
- ***Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT)***
- ***Pengurusan Tuntutan & Pendahuluan Diri***
- ***Penamatan Perkhidmatan***

## Bilangan Agensi dan Peserta Program SHARE-HRMIS Siri 1 hingga 12










# HRMIS CARE




Program HRMIS Care merupakan salah satu program Inisiatif Transformasi BPMS Tahun 2018. Program ini berbentuk aktiviti turun padang yang dilaksanakan oleh Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Maklumat Strategik (BPMS), JPA untuk melihat pelaksanaan HRMIS di agensi-agensi Kerajaan serta mempromosikan HRMIS pada penjawat bagi tujuan meningkatkan penggunaan HRMIS di kalangan penjawat awam. Program ini memberi peluang kepada pihak JPA untuk melihat dengan lebih dekat kejayaan dan kekangan pelaksanaan HRMIS di agensi-agensi Kerajaan. Di samping itu, pihak JPA dapat menjalankan aktiviti pemantauan ke agensi-agensi Kerajaan dan menangani permasalahan HRMIS secara bersemuka (hands on).

Selain daripada menyelesaikan masalah, program ini turut memberi ruang kepada pihak JPA dan agensi Kerajaan yang dilawati untuk berkongsi idea dan cadangan penambahbaikan HRMIS. Segala cadangan dan pandangan yang diterima akan dipertimbangkan untuk ditambah baik dalam HRMIS. Program ini juga merupakan satu bentuk aktiviti untuk JPA merakyatkan perkhidmatan awam.

Sebanyak 9 buah Agensi Kerajaan yang telah terlibat. Agensi-agensi tersebut ialah:

- Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA);
- Hospital Sungai Buloh;
- Jabatan Penjara Malaysia (PENJARA);
- Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah;
- Jabatan Perhutanan Negeri Kedah;
- Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah;
- Lembaga Kemajuan Pertanian Muda;
- Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Negeri Kedah; dan
- Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Kedah

Sistem penyampaian Perkhidmatan Awam sedang bergerak ke arah landskap yang baharu selaras dengan perubahan globalisasi deras yang secara langsung mencetuskan harapan baru daripada rakyat. Pada ketika ini BPMS dalam peringkat perancangan untuk membangunkan sistem maklumat pengurusan sumber manusia baharu. Kajian To-Be merupakan Fasa 2 yang dijalankan oleh BPMS bagi mengumpul data, menganalisis data serta mereka bentuk sistem baharu.

Pada 1 dan 2 Oktober 2018 bertempat di Dewan Siantan 2, Kompleks Perbadanan Putrajaya, BPMS telah menganjurkan Bengkel HRMIS User Group (HUGS) bagi mendapatkan input-input dan fungsi-fungsi yang diperlukan dalam sistem maklumat pengurusan sumber manusia yang baharu daripada wakil Kementerian, Jabatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Bengkel selama dua (2) hari ini mengguna pakai teknik Design Thinking yang menekankan 4 aspek utama iaitu empati, kerjasama, pembelajaran pantas dan penggambaran (visualization). Seramai 154 orang peserta yang terdiri daripada Pengurus Sumber Manusia dan Pentadbir HRMIS daripada 71 buah agensi Kerajaan telah hadir dan secara aktifnya terlibat dalam memberi aktiviti yang telah dijalankan.

Bengkel yang dijalankan dengan penuh semangat dan berwarna-warni ini berjaya mengupas idea berkenaan





kehendak pengguna terhadap pengurusan sumber manusia secara end-to-end tanpa mengambil kira sistem HRMIS sedia ada. Peserta telah dibahagikan kepada 25 kumpulan yang terdiri daripada pelbagai kategori agensi, jabatan dan skim perkhidmatan.

Program Implementation Status (ImSTAT) adalah aktiviti yang dilaksanakan bagi memantau pelaksanaan HRMIS di Kementerian/agensi. Tujuan program ini adalah bagi mengenalpasti isu-isu pelaksanaan dan seterusnya langkah penambahbaikan dalam pelaksanaan HRMIS. Bagi tahun 2018, sebanyak 4 siri ImSTAT telah diadakan seperti berikut:

- Siri 1 pada 6 Ogos 2018 bersama Kementerian Kesihatan Malaysia;
- Siri 2 pada 27 Ogos 2018 bersama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani;
- Siri 3 pada 23 Oktober 2018 bersama Kementerian Industri Utama;
- Siri 4 pada 2 November 2018 bersama Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim

Hasil daripada pelaksanaan program ini sebanyak 62 isu berkaitan pelaksaaan HRMIS telah diselesaikan. Program ini telah menjadi satu platform perkongsian maklumat dalam membantu memperkasakan pelaksanaan HRMIS dan secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan dan kerjasama di antara pihak JPA dengan pentadbir HRMIS di peringkat Kementerian/agensi.

## *HRMIS CARE*

*HRMIS Care Programme is one of the BPMS Transformation Initiative for the year 2018. This program is in the form of field activity implemented by the Department of Development and Strategic Information Management (BPMS), JPA to see the HRMIS implementation in Govenment agencies as well as to promote HRMIS to servants for the purpose of increasing the usage of HRMIS among civil servants. This program gave JPA the opportunity to view the success and constraints of the HRMIS implementation in Government agencies. In addition, JPA could conduct monitoring activities on Government Agencies and handle HRMIS issues hands on.*

*Other than solving problems, this program also gave room for JPA and Government agencies visited to share ideas and HRMIS improvements suggestions. All suggestions and views received will be considered for improvements in HRMIS.This program is also a form of activity for JPA to make Public Service people-centric.*

*9 Governement Agencies are involved. The agencies are:*

- *Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA);*
- *Hospital Sungai Buloh;*
- *Jabatan Penjara Malaysia (PENJARA);*
- *Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah;*
- *Jabatan Perhutanan Negeri Kedah;*
- *Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah;*
- *Lembaga Kemajuan Pertanian Muda;*
- *Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Negeri Kedah; dan*
- *Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Kedah*






*Public Service delivery system is moving towards a new landscape in line with the rapid globalisation change that directly sparks new hope from the people. At this moment BPMS is in the planning stage to develop new human resource management information system. To-Be is a Phase 2 research run by BPMS to collect, analyse data and create a new system.*

*On 1 October and 2 October 2018 at Dewan Siantan 2, Kompleks Perbadanan Putrajaya, BPMS had organised the HRMIS User Group Workshop (HUGS) to obtain inputs and functions required in the new human resource management information system from Ministry representative, Departments, State Secretariats, Federal Statutory Bodies, State Statutory Bodies and Local Authorities.*

*This two (2) day workshop applied the Design Thinking technique that emphasizes four main aspects which are empathy, cooperation, quick learning and visualisation. A total of 154 participants from HRMIS Human Resource Manager and Administrator were presence and actively involved in providing the activity held.*

*This workshop which was colorful and held with enthusiam succeeded in peeling ideas relating to the users' wishes towards the management of human resource by end-to-end without taking into account the existing HRMIS system. Participants were divided into 25 groups comprised of various agencies categories, departments and service scheme.*

*Implementation Status (ImSTAT) Programme is an activity that is held to monitor the implementation of HRMIS in Ministries/agencies. The purpose of this program is to identify implementation issues and subsequently the improvements steps in the HRMIS implementation. For the year 2018, a total of 4 series of ImSTAT was held as follows:*

- *Series 1 on 6 August 2018 with Kementerian Kesihatan Malaysia;*
- *Series 2 on 27 August 2018 with Kementerian Pertanian and Industri Asas Tani;*
- *Series 3 on 23 October 2018 with Kementerian Industri Utama;*
- *Series 4 on 2 November 2018 with Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim*

*As an outcome of the implemention of this program, 62 issues in relation to HRMIS implementation have been resolved. This program has become an information sharing platform in helping to empower HRMIS implementation and in an indirect way would foster close relationship and cooperation between JPA and HRMIS administrator at the agency/Ministry level.*

# KELAB JPA
# *JPA'S CLUB*

## KEJOHANAN SUKAN INTEGRASI MAKSWIP 2018



